


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 12 MARCH 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 4, 7, 9, 15 HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, 5, 6, 8, 10 HINGGA 14
RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
Abdullah [Kota Bharu]
Tarikh Menjawab : 12 Mac 2009 [Khamis]
Soalan : [No. ~~28~~]

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan stok penimbang getah dan kelapa sawit bagi mengurangkan jurang kejatuhan harga kedua-dua komoditi tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan stok penimbal minyak sawit bagi mengurangkan jurang kejatuhan harga kelapa sawit kerana didapati ia tidak praktikal berdasarkan faktor berikut:

- i. keperluan dana yang besar untuk menguruskan urusan jual beli kelapa sawit. Ini berikutan penentuan harga minyak sawit bergantung kepada "market force";
- ii. kualiti minyak sawit mudah terjejas kerana ia mudah rosak (*perishable*). Pada kebiasaannya, minyak sawit mentah hanya boleh disimpan selama enam (6) bulan sahaja sebelum diproses; dan
- iii. kos pembangunan infrastruktur seperti mendapatkan tanah dan pembinaan intolasi untuk menyimpan minyak sawit mentah adalah tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk komoditi getah juga, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan stok penimbal getah bagi mengatasi kejatuhan harga getah pada masa ini. Walau bagaimanapun, negara-negara pengeluar utama getah iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand telah mewujudkan Kerjasama Tiga Hala dalam bidang getah yang mana persetujuan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009

secara kolektif telah dicapai dalam melaksanakan langkah-langkah bagi menstabilkan harga getah di pasaran iaitu:

- Langkah Jangka Pendek

- i. Membuat ketetapan dengan persetujuan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Indonesia dan Thailand untuk menyelaraskan dan mengurangkan jumlah eksport getah negara masing-masing melalui satu mekanisma yang telah dipersetujui bagi mengurangkan tekanan terhadap harga getah dan mengembalikan keyakinan pasaran; dan
- ii. Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan tanam semula getah tua yang kurang produktif bagi memperlahankan pengeluaran getah negara. Pada tahun 2009, Kerajaan mensasarkan seluas 32,000 hektar kawasan getah ditanam semula. Dengan pendekatan ini, dianggarkan sebanyak 32,000 hingga 38,000 tan metrik pengeluaran getah dapat dikurangkan dalam pasaran. Tindakan yang sama juga akan diambil oleh Indonesia dan Thailand bagi memperlahankan pengeluaran masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

- Langkah Jangka Panjang

- i. Selain dari tindakan ^{langkah} segera yang dinyatakan, Malaysia bersama-sama Indonesia dan Thailand juga telah mengambil

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009

tindakan jangka panjang bagi mengawal pengeluaran getah negara masing-masing melalui satu skim yang dikenali sebagai *Supply Management Scheme* (SMS). Melalui skim ini, kawasan tanaman getah sedia ada, tanaman baru dan tanaman semula dipantau dan diselaraskan supaya jumlah pengeluaran getah oleh ketiga-tiga negara pengeluar getah utama ini seimbang dengan jumlah permintaan. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

Selain itu, penubuhan konsortium (*International Rubber Company Limited* - IRCo) yang dilaksanakan melalui Memorandum Persefahaman pula adalah bertujuan untuk menjadi pelengkap kepada langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi. Konsortium ini akan menjalankan operasi pasaran secara strategik, bila dan apabila diperlukan sahaja, untuk menstabilkan permintaan dan penawaran bagi membolehkan harga getah ditingkatkan. Kewujudan konsortium ini juga merupakan langkah untuk mengujudkan sentimen pasaran dan akan dijadikan langkah terakhir untuk meningkatkan harga getah, sekiranya langkah-langkah yang lain didapati tidak berkesan.

SOALAN NO. 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

KAWASAN : KUALA KRAI

TARIKH : 12.03.2009 (KHAMIS)

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI) minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-**

- (a) jumlah pelaburan langsung asing yang diterima Malaysia pada suku keempat 2008 berbanding tempoh yang sama 2007; dan**
- (b) jumlah kilang asing yang menghentikan operasi sepanjang 2008 serta jumlah yang hilang pekerjaannya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaburan langsung asing (FDI) dalam projek perkilangan telah meningkat kepada RM46.1 bilion untuk keseluruhan tahun 2008 berbanding dengan RM33.4 bilion untuk tahun 2007. Daripada jumlah

Ini, FDI dalam projek perkilangan yang diluluskan di Malaysia pada suku keempat tahun 2008 adalah berjumlah RM7.4 billion manakala untuk tempoh yang sama pada tahun 2007 pula adalah sebanyak RM11.7 billion.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2008, sebanyak 17 buah syarikat pengilangan milik rakyat asing dilesenkan oleh MITI telah menghentikan operasi mereka. Ini melibatkan pemberhentian pekerja seramai 11,347 orang di mana seramai 4,900 adalah pekerja asing dan 6,447 adalah pekerja tempatan. Namun begitu, jumlah ini masih kecil berbanding pelaburan yang diluluskan oleh MITI bagi sektor perkilangan untuk tempoh yang sama berjumlah RM62.8 billion dan mewujudkan sejumlah 101,173 peluang pekerjaan baru.

Antara alasan yang dikemukakan oleh pihak syarikat berkaitan keputusan penutupan operasi mereka adalah:

- masalah pasaran;
- masalah kewangan;
- pengambil alihan oleh syarikat lain;
- kekurangan bahan-bahan sumber; dan
- peningkatan kos pengeluaran.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa peka dan prihatin akan situasi yang melanda syarikat disebabkan keadaan ekonomi sekarang, antaranya:

- menggalakkan syarikat memohon dana Automasi dan Modenisasi (SLSAM) bagi tujuan memoden dan mengautomasi operasi mereka dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh terutamanya buruh asing; dan
- meluluskan dana Skim Latihan Pekerjaan yang Diberhentikan (SLSD) melalui Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM100 juta bagi melatih semula pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
(BATU SAPI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.3.2009

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah peraturan-peraturan kastam yang dilaksanakan oleh Kerajaan didapati berbeza yang dikenakan terhadap pelawat-pelawat yang memandu masuk ke Sabah dari Sarawak dan Labuan berbanding yang dikenakan terhadap mereka dari negara jiran Brunei.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan kastam yang berbeza dikenakan ke atas kenderaan yang dipandu masuk oleh pelawat ke Sabah adalah kerana:

- i. bagi kenderaan yang dipandu masuk dari Sarawak ke Sabah, tiada apa-apa peraturan kastam dikenakan memandangkan pergerakannya adalah antara satu negeri ke satu negeri dalam negara dan tiada kawalan cukai

- berbangkit memandangkan cukai bagi kenderaan yang terlibat telahpun dibayar;
- ii. bagi kenderaan yang dipandu masuk dari Labuan ke Sabah, ia dikenakan peraturan kastam seperti terhadap kepada maksima 30 hari dalam satu-satu tahun berada di Sabah dan menyediakan jaminan bank atau bon ke atas kenderaan tersebut. Ini adalah untuk mengelak penyalahgunaan kenderaan dari Labuan, yang merupakan pulau bebas cukai, di mana semua kenderaan di Labuan tidak dikenakan cukai. Kenderaan yang berada di Sabah itu merupakan kenderaan yang tidak dibayar cukai; dan
 - iii. bagi kenderaan yang dipandu masuk dari Brunei ke Sabah, ia merupakan kenderaan dari luar negara dan dibenarkan berada di Sabah tidak melebihi 3 bulan dari tarikh masuk. Tiada elemen cukai berbangkit kerana cukai kenderaan terlibat telahpun dibayar di negara asal. Di samping itu, tempoh yang lebih lama berbanding tempoh yang dibenarkan bagi kenderaan dari Labuan adalah bertujuan untuk menggalakkan pelancongan.

SOALAN NO: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1583

SOALAN:

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mengikut negeri yang ditangkap dan dihantar balik ke negara masing-masing semenjak tahun 2004. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kanowit yang mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Bagi Tempoh 2004 hingga 2008, JIM bersama agensi penguatkuasaan lain seperti RELA dan Polis Diraja Malaysia telah melancarkan sebanyak 24,054 operasi penguatkuasaan bersepadu. Melalui operasi-operasi ini, seramai 239,944 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap di seluruh negara. Seramai 235,397 PATI telah diusir ke negara asal mereka.

Pecahan lima buah negara yang mempunyai Tangkapan PATI yang paling ramai bagi tempoh 2004 hingga 2008 adalah Indonesia (115,617), Filipina (35,770), Myanmar (20,978), Thailand (11,483) dan India (7240). Bagi Pengusiran, lima buah negara yang mempunyai Pengusiran PATI yang paling ramai adalah Indonesia (123,580), Myanmar (24,287), Filipina (19,064), Thailand (9820) dan India (9736).

Tuan Yang Di-Pertua,

Kemasukan warganegara asing ke negara ini adalah dikawal di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan – peraturan Imigresen 1963. Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius ke atas kehadiran begitu ramai pendatang asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang dibawa oleh pelawat asing ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah PATI adalah seperti berikut:-

- i) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (*in-house enforcement*) antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warga asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963;
- ii) mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK-PATI) yang dipengerusikan oleh Y.B Timbalan Perdana Menteri sebagai jawatankuasa yang merangka dasar-dasar bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung isu dan permasalahan PATI;

- iii) pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara akan dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. la dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA);
- iv) memperkenalkan Sistem Biometrik bagi memastikan cap jari PATI yang dihantar balik diambil bagi tujuan menyenaraihitamkan PATI ('BLI') berkenaan daripada memasuki semula ke Malaysia;
- v) mengeluarkan 'i-card' untuk semua pelajar dan pekerja asing supaya pihak penguat kuasa mudah mengenal pasti pelajar dan pekerja asing yang tulen;
- vi) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (return ticket) di samping menasihatkan mereka mempunyai

sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

vii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah yang telah bermula pada 07 Ogos 2008 sehingga 18 Disember 2008 (Fasa 1) dan 23 Februari 2009 hingga 31 Disember 2009 (Fasa 2); dan

viii) mengadakan satu program bertujuan untuk menggalakkan PATI yang memasuki negara ini secara haram hanya dikenakan kompaun yang nominal tanpa perlu melalui perbicaraan di Mahkamah PATI sebelum dihantar pulang ke negara asal.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)
TARIKH : 12.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang di laksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memperkemaskan struktur atau organisasi Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dalam memperkasakan dan memelihara Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan agar bahasa ini terus di gunakan sebagai lingua franca di pentas antarabangsa dan berfungsi sebagai bahasa ilmu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil berat terhadap usaha-usaha memperkasa dan memelihara bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bagi membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan dengan lebih berkesan, KPM sedang berusaha untuk meminda Akta DBP bagi memberikannya kuasa penguatkuasaan dalam aspek penggunaan dan pengembangan bahasa Melayu. Draf rang undang-undang pindaan Akta DBP bagi maksud ini telah dirangka dan sedang diteliti sebelum dibawa ke Parlimen.

KPM juga sedang menimbangakan supaya struktur DBP diperkemas dan dimantapkan. Dengan penstrukturan semula, DBP akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan bagi memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2009

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penjualan tanah Kelab Golf Kristal di Pulau Pinang oleh Danaharta/Prokhas Sdn Bhd melibatkan penyelewengan dan membawa manfaat kewangan yang luar biasa kepada segelintir kumpulan tetapi menjejaskan imej negara di kalangan pelabur asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) telah mengambil alih pinjaman tidak berbayar Suasa Kristal (M) Sdn Bhd (SKMB), syarikat pemilik Kelab Golf Kristal daripada Mayban Finance Berhad pada tahun 1999. Sebagaimana peminjam-peminjam lain, SKMB telah diberi peluang secukupnya untuk menyusun semula serta mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan pinjaman mereka, tetapi SKMB telah gagal untuk berbuat demikian.

2. Lanjutan itu, Danaharta telah berusaha untuk menjual hartanah yang dicagarkan melalui proses tender seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57, Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998

pada tahun 2002, 2003 dan 2005 tetapi tiada pembida yang membuat tawaran melebihi harga minima yang ditetapkan iaitu RM30 juta.

3. Pada bulan Jun 2005, Danaharta telah menerima tawaran daripada satu pembida untuk membeli hartanah tersebut pada harga RM21 juta. Danaharta telah menjual hartanah tersebut dengan cara sedia ada (*as is where is basis*) dan tanpa sebarang syarat melalui *private treaty* berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 57, Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

4. Sewaktu proses penjualan tersebut berlangsung, notis penjualan telah dikeluarkan oleh peguam Danaharta kepada SKMB tetapi SKMB telah gagal untuk memberi maklum balas. Kemudian, melalui surat bertarikh 2 Oktober 2006, SKMB telah membuat tawaran untuk menebus semula hartanah yang dicagarkan pada harga yang tidak munasabah, iaitu RM5 juta.

5. Pada bulan Julai 2007, Danaharta telah melantik syarikat Mustapha Raj Sdn Bhd sebagai Pengurus dan Penerima bagi penyerahan kepada pemilik baru untuk mengambil alih premis SKMB.

6. Oleh itu, penjualan hartanah berkenaan telah dilakukan mengikut prosedur, berdasarkan kepada undang-undang dan tidak melibatkan penyelewengan dan membawa manfaat kewangan yang luar biasa kepada mana-mana pihak ataupun kumpulan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1587

SOALAN:

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) berapakah bangunan baru balai polis yang dibangunkan pada tahun 2008 di setiap daerah dan berapakah bilangan anggota yang ditempatkan mengikut pangkat masing-masing; dan

(b) adakah Kementerian ini bercadang untuk membina bangunan baru Balai Polis Bandar Ketengah Jaya, Dungun dan jika ada cadangan, bilakah ia akan dibangunkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di pertua,

a) Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Dungun di atas soalan yang dikemukakan. Bangunan baru balai polis yang dibangunkan pada 2008 ialah sebanyak 4 buah iaitu :

- i) Balai Polis Jaya Gading Di Daerah Kuantan, Pahang ;
- ii) Balai Polis Batu Kurau Di Daerah Selama, Perak ;
- iii) Balai Polis Banda Hilir Di Daerah Melaka Tengah, Melaka ;
dan
- iv) Balai Polis Terusan Sugut Di Daerah Beluran, Sabah

Bilangan anggota yang ditempatkan mengikut pangkat ialah seperti berikut :

i) Balai Polis Jaya Gading

Bil	Pangkat	Bilangan anggota
1.	Inspektor	1
2.	Sarjan Major	1
3.	Koperal	2
4.	Lance Koperal	16

ii) Balai Polis Batu Kurau

Bil	Pangkat	Bilangan anggota
1.	Inspektor	0
2.	Sarjan Major	1
3.	Koperal	3
4.	Lance Koperal	12

iii) Balai Polis Banda Hilir

Bil	Pangkat	Bilangan anggota
1.	Sub - Inspektor	1
2.	Sarjan	2
3.	Koperal	7
4.	Lance Koperal	18

iv) Balai Polis Terusan Sugut

Bil	Pangkat	Bilangan anggota
1.	Sarjan	1
2.	Koperal	1
3.	Lance Koperal	3

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Kementerian memang mempunyai cadangan untuk membina bangunan baru Balai Polis Ketengah Jaya yang mana projek ini telah disenaraikan dalam RMK-9 tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mempunyai cukup siling peruntukan. Tapak bagi projek ini telah sedia ada, namun begitu sekiranya diluluskan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dibentangkan pada 10 Mac 2009 di Dewan Yang Mulia ini, projek tersebut dijangka dapat dimulakan pelaksanaannya pada tahun ini juga.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]**

TARIKH : **12 MAC 2009 (Khamis)**

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rasional untuk mengharamkan pengupah pembantu asing untuk nelayan di Zon A dan B walaupun tidak ada orang tempatan yang berminat menjadi pembantu nelayan dalam kapal nelayan Kelas A dan B. Apakah cadangan Kerajaan untuk menyelesaikan kekurangan pembantu nelayan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Langkah tidak membenarkan kawasan Zon A dan Zon B diceburi oleh nelayan dan kru asing bertujuan memastikan nelayan tempatan dan nelayan tradisional mendapat faedah tanpa menghadapi saingan daripada nelayan komersial. Di samping itu, peralatan nelayan

komersial akan merusakkan habitat dan ekosistem pantai bagi tujuan pembiakan ikan dan mengakibatkan kepupusan sumber ikan.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menangani masalah ini ialah dengan melaksanakan Program Transformasi Nelayan untuk menggalakkan nelayan di Zon A dan B terutamanya golongan muda membentuk syarikat perkongsian / kumpulan dengan membina bot yang lebih besar dan moden. Program ini akan menarik minat golongan muda untuk berkerja berkumpulan sebagai nelayan. Objektif program tersebut adalah untuk menjadikan sektor perikanan pantai lebih produktif, berdaya saing dan menguntungkan melalui pengurusan yang lestari selain dari mengurangkan terlalu ramai nelayan yang bergantung kehidupan dalam zon perikanan pantai.

Di bawah program ini juga peralatan dan perkakasan penangkapan moden diperkenalkan dan nelayan akan diberikan latihan dan bimbingan untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Di samping itu juga, di bawah Program Pembangunan Masyarakat Nelayan, LKIM membantu meningkatkan penglibatan belia dalam sektor perikanan dengan menubuhkan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) di Persatuan Nelayan. Dianggarkan sebanyak 50 buah kumpulan KUBENA telah ditubuhkan di seluruh

negara dan kumpulan ini dianggotai oleh belia nelayan yang berusia diantara 18 hingga 40 tahun.

Antara aktiviti yang dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan belia nelayan ialah:

- i) Peningkatan Kemahiran Dengan Penubuhan Pusat GIATMARA-LKIM
- ii) Kursus Motivasi dan Bina Semangat
- iii) Program Bakti Siswa/ Siswa Nelayan
- iv) Lawatan Sambil Belajar

Program dan kursus yang telah dijalankan bertujuan untuk:

- a) Memberikan kemahiran kepada belia nelayan
- b) Melahirkan generasi yang cermelang dan positif
- c) Menyumbang dalam program khidmat kemasyarakatan
- d) Membuka ruang dan minda serta memberi pengalaman baru

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RAZALI BIN HAJI IBRAHIM [MUAR]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1590

SOALAN:

Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan pekerja-pekerja asing dan majikan-majikan yang telah dikenakan hukuman ataupun denda di bawah Akta Imigresen 1959 mengikut negeri bagi 3 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Muar yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Berhubung dengan Pekerja Asing, mengikut Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, di bawah Seksyen 39(b) " Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan atau arahan yang diendoskan di atas mana-mana Pas, Permit atau Pas Sempadan"... adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini, dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu atau kedua-dua penjara dan denda tersebut.

Bagi tempoh tiga tahun yang lepas (2006 hingga 2008), seramai 15,632 warganegara asing telah ditangkap di bawah seksyen ini, dan seramai 5339 orang telah didenda. Lima negara yang mempunyai jumlah tangkapan yang tertinggi bagi tempoh ini adalah Indonesia (4756), Thailand (2957), PR of China (2423), Filipina (761) dan India (549). Bagi hukuman denda adalah Indonesia (1659), Thailand (1526), Bangladesh (601), India (545) dan PR of China (210).

Bagi majikan, mengikut Seksyen 55(b) Akta Imigresen 1959/63, "**Mana-mana orang yang mengambil kerja satu atau lebih suatu orang, yang tidak memiliki suatu pas sah adalah melakukan kesalahan dan hendaklah atas sabit kesalahan**" boleh dijatuhkan hukuman salah satu daripada hukuman berikut:-

- (i) **denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali** bagi setiap orang pekerja yang diambil; dan
- (ii) **Pada masa yang sama mengambil kerja lebih dari 5 orang dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.**

Mengikut statistik yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Malaysia, bagi **tempoh 2006 hingga 2008**, seramai **1466 majikan** telah ditangkap kerana melanggar seksyen ini. Seramai **1348 majikan adalah warganegara Malaysia**, dan **118 adalah majikan negara asing**. Seramai **1284 majikan** dari jumlah **1466 dikenakan hukuman denda atau kompaun**, dan **64 majikan didakwa** di mahkamah.

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1591

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan skim gaji dan insentif-
insentif bagi perkhidmatan Polis dan Penjara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

a) PDRM

PDRM telah menerima kenaikan gaji lebih 20% berbanding kakitangan Perkhidmatan Awam lain sepertimana yang diluluskan oleh kerajaan mengikut arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007 dan berkuat kuasa pada 1 Julai 2007. PRDM telah mengemukakan Cadangan Penambahbaikan Skim dari segi gaji dan gred kepada JPA. Keputusannya masih dalam tindakan pihak Agensi Pusat.

Selain daripada insentif-insentif tetap seperti Imbuhan Tetap Kakitangan Awam dan Imbuhan Tetap Perumahan, anggota PDRM juga turut menerima insentif mengikut kepakaran dan bidang tugas seperti berikut :

- Bayaran Insentif Pemeriksa Cap Jari
- Bayaran Insentif Penyiasatan
- Bayaran Insentif Jurutera Penyelenggara Kapal Udara Berlesen, Unit Udara
- Bayaran Insentif Penerbangan

- Bayaran Insentif Penerbangan
- Bayaran Insentif Ketukangan
- Bayaran Insentif Khas PDRM

b) JABATAN PENJARA MALAYSIA

Skim perkhidmatan bagi Jabatan Penjara telah disemak pada tahun 2005 di mana melalui semakan semula ini, skim gaji serta gred kakitangan penjara telah diselaraskan sepertimana lain-lain jabatan kerajaan. Skim gaji permulaan bermula pada Wadar Penjara Gred KX17 sehingga gred tertinggi iaitu Komisioner Jeneral Penjara JUSA A.

Selain daripada insentif-insentif tetap seperti Imbuhan Tetap Kakitangan Awam dan Imbuhan Tetap Perumahan, Pegawai penjara menerima elaun-elaun khas seperti berikut :

- Elaun Pegawai Tugas Khas (gantung)
- Elaun Pembantu Pegawai Tugas Khas (gantung)
- Elaun Tukang Sebat
- Elaun Insentif Pemandu mengikut gred
- Elaun Pakaian
- Elaun Bahasa

Jabatan Penjara juga telah memohon elaun kepada Pembantu Perubatan penjara dan Pegawai Persenjataan. Kedua-dua permohonan sedang dalam pertimbangan pihak Agensi Pusat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]
TARIKH : KHAMIS, 12 MAC 2009
RUJUKAN : 16
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

- (a) sebab-sebab jumlah pendapatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengalami trend yang menurun dari tahun 2005 hingga 2008; dan
- (b) berapakah jumlah dana tabungan yang dimiliki oleh DBKL dari tahun 2005 hingga 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu, jumlah pendapatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menunjukkan penurunan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Jumlah pendapatan DBKL dari tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Jumlah Pendapatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 2003 hingga 2007

	TAHUN				
	2003	2004	2005	2006	2007
PENDAPATAN (RM)	944,698,608	956,162,187	1,042,824,211	1,084,650,211	1,227,521,029

Untuk makluman Ahli Yang berhormat juga, semua pengurusan kewangan DBKL dilaksanakan melalui 2 jawatankuasa yang diwujudkan iaitu **Jawatankuasa Belanjawan dan Kewangan** yang bertanggungjawab bagi penyediaan Bajet tahunan DBKL dan **Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun yang bertanggungjawab** memantau prestasi perbelanjaan DBKL setiap suku tahun.

Semua akaun DBKL akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Penasihat dan seterusnya diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Akaun DBKL yang telah diaudit akan dibentangkan pula di peringkat Parlimen setelah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

Bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat, DBKL tidak mempunyai dana tabungan. Walau bagaimanapun, DBKL mempunyai simpanan di dalam Deposit Tetap di institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan simpanan ini melibatkan semua terimaan kewangan termasuk cagaran. Jumlah simpanan di dalam Deposit Tetap dari tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Jumlah Simpanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Dalam Deposit Tetap di Institusi Kewangan dari tahun 2003 hingga 2007

	TAHUN				
	2003	2004	2005	2006	2007
PANAN DALAM POSIT GAP DI TITUSI (ANGAN RM)	2,260,263,415	1,959,498,110	1,791,619,292	1,556,102,580	1,414,676,536

SULIT

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1584

PERTANYAAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan Malaysia sungguhpun bapa adalah rakyat Malaysia tetapi ibu adalah warga asing pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Senaraikan secara terperinci dengan kaum-kaum yang terlibat pada tahun tersebut. Jelaskan proses kelulusan untuk memberikan kualifikasi kepada kanak-kanak berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kanak-kanak bertaraf Bukan Warganegara di mana bapanya adalah bertaraf warganegara Malaysia dan ibu warganegara asing bagi tahun 2005 hingga 2008 adalah seramai **8,894 orang**.

Daripada jumlah tersebut, seramai **1,716** orang adalah berketurunan Melayu; **1,696** orang berketurunan Cina; **308** orang berketurunan India dan **5,129** orang berketurunan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membolehkan kanak-kanak ini mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia, ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak tersebut hendaklah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan terlebih dahulu di Jabatan Pendaftaran Negara.

Permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang mana bapanya bertaraf warganegara Malaysia manakala ibu warganegara asing akan dikategorikan sama ada sebagai permohonan kewarganegaraan dalam **keadaan khas** di bawah Perkara 15A

SULIT

ataupun permohonan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Kategori permohonan ini akan ditentukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ketika permohonan dikemukakan di Jabatan berkenaan.

SOALAN NO: 23

**PERTANYAAN- PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 12 MAC 2009

RUJUKAN : 1674

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap penyiasatan Kongres Amerika mengenai tuduhan pihak polis dan imigresen Malaysia terlibat dalam penyeludupan dan pemeras ugutan rakyat Myanmar secara haram di sempadan Thai-Malaysia

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pulaui yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum akan dakwaan dari pihak Senate Amerika Syarikat mengenai berlakunya kegiatan pemerdagangan orang di Malaysia yang melibatkan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah meminta agensi penguatkuasa iaitu PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menjalankan siasatan terhadap dakwaan berkenaan.

Pada masa ini siasatan masih lagi berjalan dan sekiranya terdapat kebenaran dan bukti kukuh akan dakwaan ini, maka pihak berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
TARIKH : 12 MAC 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 24

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :**

- (a) Apakah polisi UiTM terhadap pengambilan pelajar-pelajar luar negara; dan
- (b) Berapakah jumlah pelajar dari luar negara yang mengikut program pra dan pascasiswazah di IPTA khususnya UiTM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mempunyai dasar membenarkan pengambilan 5% pelajar antarabangsa di UiTM berasaskan kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan (G2G). Pengambilan pelajar antarabangsa bertujuan untuk mempersiapkan para graduan yang mampu bersaing dan menempatkan diri di peringkat antarabangsa.

b) Sehingga akhir 2008, bilangan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pengajian di IPTA adalah seramai 17,708 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 297 orang menuntut di UiTM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)
TARIKH : 12.03.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) bantuan serta langkah segera Kerajaan dalam membantu kejadian kebakaran Sk. Kg. Paris, Kinabatangan pada baru-baru ini; dan
- (b) status cadangan pembinaan SMK Paris, Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian kebakaran di SK. Kg. Paris, Kinabatangan berlaku pada 10 Januari 2009 jam 5.00 petang. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM200 ribu kepada Jabatan Pelajaran Sabah (JPN) pada 23 Januari 2009 bagi pembinaan kelas sementara. Pelaksanaan kerja telah dimulakan pada 28 Januari 2009 di bawah penyeliaan JPN Sabah.
- (b) Cadangan pembinaan SMK Paris, Daerah Kinabatangan telah tersenarai untuk pelaksanaan di dalam RMKe-9. Skop projek ini terdiri daripada 30 bilik darjah dan lain-lain kemudahan seperti pondok pengawal, dataran perhimpunan, tempat letak kereta berbumbung, kantin dan lain-lain

kemudahan. Namun, oleh kerana kekangan siling peruntukan RMKe-9 yang dihadapi pada masa ini akibat kenaikan harga bahan binaan, projek pembinaan sekolah ini terpaksa ditangguh ke RMKe-10. Peruntukan yang ada hanyalah mencukupi bagi pembinaan projek-projek yang telah komited dari segi kontrak. Projek pembinaan SMK Paris, Kinabatangan akan diberi keutamaan untuk pembinaan di dalam RMKe-10 (2011). KPM juga berharap peruntukan yang diagihkan dalam Mini Bajet 2009 dapat memberi tumpuan kepada projek-projek pembangunan luar bandar yang tergendala termasuklah di Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]
TARIKH : 12 MAC 2009
RUJUKAN : 1582

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk melanjutkan Perintah untuk Penjagaan dan Penyaraan (Custody and Maintenance) kepada anak-anak daripada 18 tahun seperti yang ternyata pada Seksyen 95 Akta memperbaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164) kepada sehingga anak-anak tersebut mencapai umur 21 tahun atau tamat pengajian di Institut Pengajian Tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya menyedari akan keperluan pindaan ke atas peruntukan yang berkaitan dengan pembayaran nafkah seperti Seksyen 95 Akta Membaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Cadangan pindaan ke atas peruntukan yang diguna pakai di bawah Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 termasuk Seksyen 95 telah dibentang secara *extensive* oleh Jabatan Peguam Negara bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, cadangan pindaan ini masih di peringkat penelitian dan akan mengambil masa yang lama kerana ia melibatkan beberapa akta lain seperti Akta *Married Women and Children (Enforcement and Maintenance)* 1968 atau Akta 356 dan Akta *Married Women and Children (Maintenance)* 1950 atau Akta 263.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 12 MAC 2009

RUJUKAN : 1586

SOALAN :

Tuan Abd. Rahman Bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggantikan atau membina baru Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) setiap negeri, memandangkan pertambahan pegawai dan anggota PDRM setiap tahun telah menyebabkan berlaku kesesakan dan kekurangan ruang pejabat untuk pegawai dan anggota yang bertugas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di pertua,

Kerajaan komited untuk menyediakan ruang pejabat yang selesa kepada anggota-anggota PDRM. Pada peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) strategi kementerian ialah seperti berikut :

- a) membina kompleks IPD yang baru sekiranya terdapat keperluan penubuhan daerah polis yang baru ; atau
- b) membina bangunan tambahan sekiranya bangunan sedia ada tidak cukup ruang untuk menampung tambahan anggota dan ruang khidmat kepada pelanggan ; atau
- c) membina bangunan baru bagi menggantikan bangunan lama sekiranya bangunan tersebut telah uzur dan tidak ekonomik untuk dibuat pengubahsuaian.

Bagi tujuan ini, kementerian telah membuat perancangan dengan menyenaraikan projek-projek IPD di seluruh negara dalam RMK-9.

Anggaran kos projek ialah sebanyak RM2,914,786,378.75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 12 MAC 2009

RUJUKAN : 1585

SOALAN :

Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kemajuan terkini yang dicapai oleh kerajaan pusat dalam menangani isu jenayah rentas sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian sememangnya menyedari bahawa kedudukan Malaysia yang dikelilingi dengan laut dan bersempadan dengan Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura membuatnya terdedah kepada jenayah rentas sempadan. Jenayah rentas sempadan pada kebiasaannya dilakukan oleh kumpulan-kumpulan haram dan kumpulan jenayah bersindiket. Walaubagaimanapun, penglibatan kumpulan-kumpulan penjenayah ini masih dapat dikekang dan dikawal oleh pihak berkuasa. Jenis-jenis jenayah rentas sempadan yang dikenalpasti berlaku di sempadan negara ialah perjudian haram, catit taruh haram (bookie), pelacuran dan penyeludupan senjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008, sebanyak 4,903 serbuan telah dibuat oleh pihak polis melibatkan perjudian haram di seluruh negara termasuk di kawasan sempadan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,236 tangkapan berjaya dibuat dan 36 orang telah diambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan. Bagi jenayah catit taruh haram,

sebanyak 1,126 serbuan telah dibuat oleh pihak polis dan seramai 949 orang telah ditangkap hasil daripada serbuan yang diadakan. Manakala, bagi jenayah pelacuran, sebanyak 12,490 serbuan telah dibuat oleh pihak polis. Hasil daripada serbuan yang diadakan, seramai 8,647 orang warganegara asing telah ditahan dan 6 orang gadis bawah umur berjaya diselamatkan. Seramai 22 orang yang dikenalpasti sebagai penganjur aktiviti pelacuran telah diambil tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933.

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia dari masa ke semasa mengadakan mesyuarat bilateral dengan negara jiran seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei melalui forum seperti INTERPOL dan ASEANAPOL bagi sama-sama berbincang dan seterusnya menjalinkan kerjasama bagi mengatasi jenayah rentas sempadan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN
DAHLAN (KOTA BELUD)**

TARIKH : 12 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

**YB Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan (Kota Belud) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan menjelaskan program khususnya untuk
mencapai objektif Dasar Sosial Negara (DSN) terutamanya bagi
memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat
dipenuhi.**

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Sosial Negara (DSN) adalah satu dasar payung yang merangkumi semua dasar pembangunan sosial negara. DSN memberikan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial, setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan pembangunan negara yang mantap dan seimbang.

Objetif khusus DSN adalah:

- a) Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi;
- b) Membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat;
- c) Memperkukuh dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial; dan
- d) Menjana sinergi multisektor.

Objektif khusus DSN ini menjurus kepada pencapaian kesejahteraan sosial. Justeru pelbagai pihak di semua peringkat dan semua sektor terlibat bagi menjayakan pelaksanaan dasar ini. Misalnya di sektor awam, penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya disediakan oleh Kementerian Kerja Raya, sementara bekalan elektrik, air luar bandar dan jalan kampung diusahakan bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di seluruh pelusuk negara. Begitu juga dari segi perkhidmatan kesihatan, pelajaran dan pengangkutan, pelbagai agensi kerajaan termasuk sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan turut terlibat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan program-program tertentu bertujuan meningkatkan kualiti hidup rakyat yang berkeperluan dengan memenuhi keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat. Di bawah Program Perluasan Jaringan Keselamatan Sosial (Social Safety Net) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009, had kelayakan pendapatan isi rumah bagi penerima bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) telah ditingkatkan daripada RM400.00 sebulan kepada

RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM960.00 sebulan bagi Sabah dan RM830.00 sebulan bagi Sarawak.

Bagi memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU) menjalani kehidupan normal, kemudahan-kemudahan seperti pemeriksaan perubatan, bantuan alat tiruan, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyediakan perkhidmatan dan bantuan sokongan sosial kepada ahli masyarakat yang memerlukan. Antaranya ialah melalui Pusat Bantuan Khidmat Sosial di kawasan Chow Kit yang bertujuan menyediakan perkhidmatan sosial dan kebajikan kepada penghidap HIV/AIDS.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita menyediakan program-program pembangunan kapasiti seperti latihan kemahiran bagi wanita dan ibu tunggal. Melalui program ini,

kumpulan sasar yang diberi latihan dapat memanfaatkan kemahiran yang diperolehi untuk menjana pendapatan dan seterusnya membolehkan mereka hidup berdikari. Bidang-bidang latihan kemahiran yang diberikan termasuk kraftangan, pelancongan, penjagaan kanak-kanak dan salon serta terapi kecantikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan DSN adalah tanggungjawab bersama dan perlu dilaksanakan secara bersepadu oleh semua pihak kerana DSN adalah hakmilik bersama dan bukannya KPWKM semata-mata.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria
[Padang Terap]
TARIKH : 12 Mac 2009
SOALAN : Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) bilangan hakim-hakim Mahkamah Syariah yang sedang berkhidmat di Malaysia serta bilangan peguam-peguam Syariah yang berdaftar di bawah Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri-negeri; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Jabatan Peguam Syariah Negara.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bilangan hakim-hakim Mahkamah Syariah yang sedang berkhidmat di Malaysia adalah seramai 121 orang dan bilangan peguam-peguam Syariah yang berdaftar di bawah Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri-negeri adalah seramai 2233 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Bil	Negeri	Bil. Hakim Syarie	Bil Peguam Syarie
1.	Wilayah Persekutuan	6	616
2.	Pulau Pinang	6	94
3.	Selangor	9	340
4.	Perlis	3	21
5.	Melaka	4	125
6.	Negeri Sembilan	6	237
7.	Sabah	10	91
8.	Kedah	14	42
9.	Perak	11	162
10.	Johor	10	102
11.	Kelantan	14	235
12.	Terengganu	8	69
13.	Pahang	9	53
14.	Sarawak	11	53
	Jumlah	121	2233

NO SOALAN: 37/30

(b) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan Jabatan Peguam Syarie Negara memandangkan perkara berkaitan pendakwaan Jenayah Syariah ini adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Setiap negeri mempunyai Ketua Pendakwa Syarienya tersendiri dan kuasa dalam menjalankan tindakan pula diperuntukan di dalam Undang-undang yang terpakai di negeri berkenaan masing-masing. Ini melibatkan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah dan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN:

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah pinjaman oleh penjaja Bumiputera dengan MARA sejak MARA mewujudkan skim pinjaman peniaga Bumiputera dan berapakah jumlah yang masih belum dibayar dari keseluruhan pinjaman tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga kepada kumpulan usahawan mikro daripada kumpulan penjaja dan peniaga kecil sebagai golongan sasaran bagi membantu usahawan berkenaan untuk memula atau meningkatkan pemiagaan melalui pembiayaan perniagaan secara mudah.

Dalam usaha tersebut, MARA telah menawarkan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera berasaskan konsep Islam mulai bulan Januari 1995. Mulai tahun 1995 hingga kini, seramai **17,330** orang penjaja dan peniaga kecil Bumiputera telah mendapat kemudahan pembiayaan berjumlah **RM168.6juta** daripada MARA. Daripada jumlah berkenaan, baki pinjaman yang belum berbayar setakat 31 Januari 2009 adalah sebanyak **RM91.8 juta (54.5%)**.

Mulai tahun 2008 MECD telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi pembayaran balik pinjaman oleh usahawan seperti berikut:

- i) memastikan usahawan menyediakan perancangan perniagaan yang berpotensi dan mendapat pulangan,
- ii) memberi insentif-insentif tertentu kepada peminjam yang berjaya membayar balik pinjaman mendahului jadual seperti pengurangan kadar faedah,
- iii) memberi pinjaman kedua dengan lebih mudah dan cepat kepada peminjam yang dapat membayar pinjaman pertama dengan baik,
- iv) memantapkan sistem pemantauan dan kerap membuat rundingan dengan peminjam-peminjam untuk membantu menyelesaikan masalah mereka; dan
- v) membangunkan "sistem sahabat" yang memberi penekanan terhadap konsep bantu-membantu antara usahawan supaya wujudnya tanggungjawab usahawan terhadap perniagaan dan pembayaran balik pinjaman.
- vi) Membuat penjadualan semula bayaran balik pinjaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN
JAAFAR [TUMPAT]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH USAHA-USAHA TERKINI KEMENTERIAN UNTUK MENYIAPKAN PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN SULTAN YAHYA KEDUA ANTARA KOTA BHARU-TUMPAT.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, ANTARA USAHA-USAHA TERKINI KEMENTERIAN / JABATAN UNTUK MENYIAPKAN PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. PIHAK JKR TELAH MEMBERIKAN LANJUTAN MASA KEPADA KONTRAKTOR SELAMA 325 HARI DAN DIJANGKA SIAP PADA NOVEMBER 2010.

LANJUTAN MASA TELAH DIBERKAN KEPADA PIHAK KONTRAKTOR DI ATAS ALASAN SEPERTI BERIKUT :

i) PROSES PENGAMBILAN BALIK TANAH YANG LAMBAT MENYEBABKAN KELEWATAN KONTRAKTOR MEMASUKI TAPAK.

ii) **PENGALIHAN “SERVICES” OLEH SYARIKAT UTILITI JUGA AGAK LEWAT.**

iii) **CUACA YANG TIDAK MENENTU TERUTAMANYA PADA HUJUNG TAHUN 2007 DAN HUJUNG TAHUN 2008.**

KELEMAHAN PENGURUSAN SYARIKAT KONTRAKTOR ITU SENDIRI JUGA TELAH MENYUMBANG KE ATAS KELEWATAN PROJEK TERSEBUT.

2. PIHAK KERAJAAN JUGA BERSETUJU UNTUK MEMBENARKAN PIHAK KONTRAKTOR MEMBUAT TUNTUTAN TERHADAP KENAIKAN HARGA BAHAN BERDASARKAN KEPADA ARAHAN PERKELILING SPP Bil. 3/2008. DISAMPING ITU, PIHAK KERAJAAN JUGA BERSETUJU UNTUK MEMBERI LANJUTAN LAGI 3 BULAN DISEBABKAN KENAIKAN HARGA BAHAN BINAAN.

3. PIHAK JKR JUGA AKAN MEMANTAU PROJEK INI DENGAN LEBIH KERAP DARI MASA KE SEMASA BAGI MEMASTIKAN PROJEK INI BERJALAN LANCAR. UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KEMAJUAN KERJA SEMASA ADALAH 22.9% (SEBENAR) BERBANDING DENGAN 19.8% (JADUAL).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Raime Unggi
TARIKH : 12 Mac 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Raime Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan terkini pelaksanaan koridor pembangunan Sabah yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi kemajuan projek di SDC, setakat ini, sebanyak 15 projek (atau 27.7%) telah dimulakan daripada 54 program dan projek SDC yang diperakukan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9. Kebanyakannya melibatkan perincian pelan pelaksanaan serta kerja-kerja awalan seperti kajian, reka bentuk terperinci, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak manakala sebahagian besar projek-projek SDC yang lain akan mula dilaksana dalam tempoh suku kedua hingga keempat tahun 2009. Antara projek utama yang telah dimulakan ialah:

- a. Projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit (Lahad Datu) fasa III;
- b. Projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit (Sandakan);
- c. Penyediaan infrastruktur bagi Projek Sandakan Education Hub; dan
- d. Menaik taraf kawasan Bandaraya Kota Kinabalu (3 projek)

Bagi tujuan ini, memandangkan pihak berkuasa koridor bagi SDC iaitu *Sabah Economic and Investment Authority* (SEDIA) belum beroperasi kerana baharu sahaja diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada 15 Januari 2009 lalu, maka buat masa sekarang, pihak UPEN Sabah bertindak sebagai penyelaras sementara kepada pelaksanaan semua program dan projek SDC. Walau bagaimanapun, pihak UPEN Sabah akan terus memberi perhatian khusus dan komited untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek SDC yang telah dimulakan sementara menunggu usaha mengazetkan penubuhan SEDIA supaya SEDIA dapat beroperasi secepat yang mungkin. Ini kerana pada tahun 2009, lebih banyak program dan projek SDC perlu dilaksanakan mengikut jadual bagi memastikan faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima oleh semua rakyat Sabah termasuklah masyarakat di luar bandar dengan lebih berkesan terutamanya dari segi penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L
NAGAPAN (PADANG SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2009

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah dasar Kementerian bagi membantu mereka yang disenarai hitam untuk mendapatkan pinjaman bank.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam memberi pertimbangan pinjaman, institusi perbankan perlu memastikan peminjam mampu menguruskan kredit mereka dan mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman.

2. Sekiranya peminjam menghadapi masalah mendapatkan pinjaman walaupun status kredit mereka sudah diperbaiki, peminjam boleh merujuk kepada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*) atau syarikat rujukan

kredit swasta untuk mendapatkan maklumat mengenai status mereka serta mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Bagi perniagaan yang mempunyai usul atau projek yang berdaya maju tetapi masih menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan, peminjam boleh membuat rayuan melalui saluran-saluran yang telah disediakan oleh Bank Negara Malaysia seperti BNMLINK dan BNMTELELINK.

3. Kerajaan juga telah menyediakan infrastruktur seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memberi bimbingan kewangan serta menasihati pengguna dalam pengurusan kewangan. Peminjam juga boleh mendapatkan bimbingan daripada AKPK dari segi langkah seterusnya yang boleh diambil untuk menyelesaikan status kreditnya.

LAMPIRAN N

SOALAN 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR
BIN TAIB [LANGKAWI]**

TARIKH : 12 MAC 2009

**SOALAN : MEMINTA MENTERI
PELANCONGAN menyatakan :**

- a) Apakah produk-produk pelancongan terbaru yang dirancang untuk dibina dan diadakan di Langkawi; dan
- b) Berapa banyak "Chartered Flight" yang terdapat dari luar negara terus ke Langkawi dan dari negara mana bagi tahun 2007-2008. Apakah tindakan yang diambil bagi menggalakkan usaha ini.

JAWAPAN :

(a)

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kementerian Pelancongan belum mempunyai perancangan untuk membina produk-produk baru di sekitar Langkawi.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menjalankan kerja-kerja naik taraf bagi meningkatkan mutu produk pelancongan yang terdapat di pulau tersebut. Kementerian juga aktif menjalankan kajian bagi mencari produk-produk baru yang boleh dibangunkan di Langkawi bagi menarik lebih ramai "repeat visitors" untuk datang semula ke Langkawi.

(b)

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut statistik yang diterima dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, **jumlah "Chartered Flight" terus ke Langkawi adalah sebanyak 65 pada tahun 2007 dan 24 pada tahun 2008.**

Hong Kong menjadi penyumbang terbesar pada kedua-dua tahun tersebut dengan sebanyak 27 penerbangan "Chartered Flight" pada tahun 2007 dan sebanyak 16 penerbangan "Chartered Flight" pada tahun 2008. Destinasi lain "Chartered Flight" ke Langkawi pada tahun 2007 dan 2008 adalah dari India, Kazakhstan, Russia, Indonesia, Singapura, Thailand, Myanmar, Manila, Filipina, Pakistan, China, Arab Saudi, UAE dan Korea Selatan.

Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk menarik lebih banyak perkhidmatan "Chartered Flight" dengan memberi insentif seperti hak pendaratan yang lebih kerap dan pengurangan caj meletak kapal terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI**
TARIKH : **12 MAC 2009**

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menaikkan taraf ekonomi, jaminan pekerjaan dan mutu kehidupan pemandu-pemandu teksi yang berdepan dengan pelbagai masalah hidup termasuk hasil pendapatan rendah, kadar sewa teksi dan permit yang tinggi, ketiadaan cuti sakit dan cuti umum/ khas, tiada perlindungan PERKESO, tiada KWSP dan sentiasa terjebak dalam kesesakan lalulintas terutamanya di Lembah Kelang.

JAWAPAN


Tuan Yang Dipertua, Kementerian telah dan sedang merangka beberapa langkah untuk menaik taraf ekonomi, pendapatan dan jaminan kehidupan pemandu teksi. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:-


1. **Pembukaan semula permohonan baru lesen teksi/ kereta sewa kepada individu mulai pada 15 Julai 2008 sehingga 14 Oktober 2008** untuk mengurangkan beban kos pemandu teksi yang menyewa lesen daripada syarikat. Pemberian lesen ini akan diberikan secara berperingkat-peringkat di mana pengeluaran lesen teksi fasa pertama telah disampaikan kepada

1,379 pemohon yang berjaya di Lembah Kelang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan daerah Seremban, Negeri Sembilan. Majlis penyampaian Surat Tawaran Kelulusan (STK) ini telah diadakan pada 22 Januari 2009 yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

2. **Pengurangan cukai jalan kepada RM20 dan pengecualian cukai eksais** untuk kenderaan teksi yang dikeluarkan oleh pembuat kereta nasional;
3. **Mempermudahkan proses permohonan pembiayaan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA)** dan menambah peruntukan pembiayaan TPPA sebanyak RM100 juta daripada peruntukan sedia ada berjumlah RM200 juta khusus untuk pemandu individu;
4. **Pelanjutan had usia teksi (bajet) dari 7 tahun kepada 10 tahun** yang bertujuan untuk membolehkan pengusaha teksi memperoleh pendapatan sepenuhnya setelah tamat tempoh pinjaman pembiayaan kenderaan daripada institusi kewangan;
5. **Samakan kajian kadar tambang ke atas pengangkutan awam secara berkala.** Kajian semakan kadar tambang telah dibuat dan dalam peringkat akhir sebelum keputusan dimuktamadkan. Semakan ini bertujuan untuk menyelaraskan semula kadar tambang perkhidmatan pengangkutan awam termasuk teksi supaya dapat menambah baik mutu perkhidmatan teksi seterusnya membantu meningkatkan pendapatan pemandu teksi; dan
6. **Menganjurkan kursus 'refresher'** untuk meningkatkan pembangunan disiplin dan etika pemandu dalam menyediakan perkhidmatan kelas pertama.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan pemandu, menambahbaik mutu perkhidmatan teksi dan kos saraan pemandu-pemandu teksi akan lebih berkurangan.


Disediakan Oleh : **BAITIYAMIN BIN MAMAT**
: **No.Tel. Pejabat** : **03-8880 5481**
: **No. H/P** : **012-3157994**
: **Tarikh** : **10 Mac 2009**


Disemak Oleh : **NAIMAH BINTI RAMLI**
: **No.Tel. Pejabat** : **03-8880 5474**
: **No. H/P** : **012-012-3250969**
: **Tarikh** : **10 Mac 2009**


Diluluskan Oleh : **ALWI BIN HAJJIBRAHIM**
: **Tarikh** : **10 Mac 2009**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan konsep koridor khas untuk hidupan liar di setiap negeri dalam Malaysia bagi mengurangkan interaksi manusia dan haiwan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan konsep koridor khas untuk hidupan liar di setiap negeri dalam Malaysia bagi mengurangkan interaksi manusia dan haiwan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ini akan menerajui usaha mewujudkan pembangunan "Central Forest Spine" di Semenanjung Malaysia. Inisiatif konservasi ini akan mempertingkatkan jalinan kesinambungan rangkaian habitat hidupan liar dengan kompleks hutan besar melalui penubuhan dan pengurusan koridor ekologi pergerakan hidupan liar.

Usaha pembangunan koridor ekologi ini akan memberi manfaat konservasi hidupan liar dan mengawal konflik antara manusia dan hidupan liar. Populasi hidupan liar akan terus dapat bergerak, mendiami dan berlindung di habitat asalnya. Kawasan pertanian dan pembangunan tanah tidak lagi dirosakkan oleh hidupan liar dan keselamatan masyarakat serta harta benda akan terkawal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN:

DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah pengusaha Bengkel Motosikal Bergerak yang dilancarkan di Pendang pada 16 Julai 2008 setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dpertua,

Program Pembangunan Usahawan Mekanik Bergerak (RSQ) merupakan program usahasama antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dengan syarikat Ide Mobile Sdn. Bhd. bertujuan melahir lebih ramai usahawan baru dalam industri membaikpulih dan penyelenggaraan kenderaan bermotor dalam negara. Perjanjian bagi melaksanakan program ini melibatkan dua pihak iaitu Giat MARA yang mewakili MECD sebagai pembekal bakal-bakal usahawan yang diambil dari Pusat-Pusat Giat MARA manakala disatu pihak lagi syarikat Ide Mobile Sdn. Bhd. bertindak sebagai mentor.

Program yang dilaksanakan secara bersepadu ini melibatkan juga beberapa agensi lain seperti TEKUN Nasional sebagai agensi pembiaya, MARA menyediakan latihan *softskill* dengan menggunakan program modul latihan pembangunan usahawan sedia ada manakala latihan *hardskill* dikendalikan oleh pihak syarikat sendiri.

Idea untuk membangunkan Program Pembangunan Usahawan Mekanik Bergerak (RSQ) ini bermula selepas syarikat mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengusaha-pengusaha bengkel bermotor sepanjang program promosi dijalankan bersempena Majlis Gerak Usahawan Parlimen Pendang pada 16 Julai 2008. Secara rasminya majlis pelancaran program tersebut masih belum dilaksanakan lagi dimana pada masa ini pihak syarikat sedang giat menjalankan program promosi untuk menarik lebih ramai bakal-bakal usahawan menyertai program tersebut. Sehingga awal Februari 2009, syarikat Ide Mobile telah mengambil seramai 19 pelatih dari sekitar Lembah Klang bagi memulakan operasi RSQ.

Program Usahawan Mekanik Bergerak (RSQ) menyediakan perkhidmatan bantuan kecemasan, baikpulih dan penyelenggaraan motosikal yang sistematik dan bersepadu dengan menggunakan talian bantuan kecemasan dan khidmat pelanggan yang beroperasi 24 jam. Kearah itu pihak syarikat sedang bekerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi membolehkan perkhidmatan RSQ dapat beroperasi secara sah di semua konsesi lebuhraya bagi memberi perkhidmatan bantuan kecemasan baikpulih dan penyelenggaraan kepada semua pengguna motosikal yang memerlukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 12 MAC 2009 [KHAMIS]

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengisytiharkan bahawa kaum-kaum lain juga mempunyai hak keistimewaan seperti SJK, nama mengikut kaum, amalan kebudayaan dan lain-lain.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kesemua kaum di Malaysia mempunyai hak-hak tertentu. Hak-hak tersebut yang meliputi pelbagai aspek jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta dilindungi dibawah undang-undang negara.

Oleh kerana hak-hak tersebut adalah jelas dan diketahui umum, Kerajaan berpendapat bahawa pengisytiharan tambahan tentang hak-hak kaum-kaum tertentu adalah tidak diperlukan.

Sekian, terima kasih.

11/2/09

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. KULASEGARAN A/L MURUGESON
TARIKH : 12 MAC 2009 [40]
SOALAN : Y.B. Kulasegaran a/l Murugeson minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah
langkah Kerajaan dalam menghindari keganasan
yang berlaku di Palestin dan Sri Lanka dan sila
nyatakan keefektifan serta paras kepuasan
Kerajaan dalam pendiriannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ipoh Barat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah mengambil daya usaha aktif dalam inisiatif-inisiatif antarabangsa bagi mencari penyelesaian adil dan menyeluruh serta berkekalan terhadap konflik Israel – Palestin secara aman menerusi proses perundingan.

3. Dalam hubungan ini, Malaysia telah antara lainnya, berusaha gigih dalam menyuarakan pandangan pihak kita di pelbagai forum antarabangsa khususnya yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mendesak Majlis Keselamatan PBB supaya lebih tegas dalam usahanya memastikan kejayaan Pelan Damai Israel – Palestin. Dalam melaksanakan usaha-usaha itu, Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip diplomasi pelbagai hala menurut undang-undang antarabangsa dan Pelan Damai yang disokong masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik berkenaan.

4. Sepertimana di masa lalu, Malaysia akan terus memberi sokongan padu terhadap rakyat Palestin dalam usaha mereka menubuhkan sebuah negara Palestin yang bebas, berdaulat dan merdeka.

5. Berhubung keganasan di Sri Lanka pula, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum juga, Malaysia mengambil pendirian bahawa konflik antara Kerajaan Sri Lanka dan kumpulan pemisah Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE) adalah isu dalaman negara Sri Lanka.

5. Sungguhpun demikian, Malaysia sentiasa berusaha memperkembangkan hubungan serta kerjasama dua hala dengan Sri Lanka dalam pelbagai bidang. Antara lainnya, adalah menerusi usaha-usaha menggalakkan usahawan-usahawan negara ini untuk bergerak cergas dalam mengenal pasti peluang-peluang pelaburan di pelbagai sektor di Sri Lanka di samping meneruskan bantuan teknikal kepada negara tersebut menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang menumpukan perhatian kepada pembangunan modal insan.

6. Pihak kita berharap supaya inisiatif-inisiatif tersebut dapat juga membantu rakyat Sri Lanka mencari penyelesaian adil dan menyeluruh yang diterima oleh semua pihak kepada konflik tersebut menerusi proses perundingan demi pembangunan negara mereka.

SOALAN NO. (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI ABDUL GHAPUR BIN
HJ. SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH : 12 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATUK HAJI ABDUL GHAPUR BIN HJ. SALLEH (KALABAKAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menyelaraskan harga rumah berikutan dengan penurunan harga minyak dan beberapa bahan binaan, khususnya yang masih ditawarkan dan masih dalam proses pembinaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak mempunyai dasar berhubung penyelarasan harga rumah berikutan penurunan harga minyak dan beberapa bahan binaan. Ini kerana harga bagi sesuatu unit kediaman adalah berdasarkan kepada harga pasaran semasa dan ditentukan oleh pemaju melalui mekanisme penawaran dan permintaan.

Pemaju perumahan swasta selaku pemangkin utama dalam industri perumahan di Malaysia seharusnya mempunyai pelbagai strategi untuk menetapkan harga rumah kediaman yang kompetitif melalui inovasi dalam bidang pembinaan. Dengan tawaran harga rumah yang berpatutan dan mampu milik, pemaju perumahan berupaya memperluaskan pasaran rumah kediaman ke pelbagai segmen masyarakat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)
TARIKH : 12.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah fungsi Yayasan Guru Malaysia dalam memajukan bidang pendidikan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) diperbadankan pada 7 Mei 1994 di bawah Akta Syarikat 1965. Tujuan YGMB ditubuhkan ialah untuk menjalankan pelbagai aktiviti sosial, kebajikan dan pendidikan untuk ahli-ahli dan ahli keluarga terdekat mereka termasuk dari segi bantuan perubatan, biasiswa, "khairat kematian", menganjurkan seminar-seminar, bantuan guaman kepada mangsa kemalangan dan bencana alam.

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), YGMB juga bertanggungjawab melaksanakan Kursus-Kursus Peningkatan Tahap Kecekapan (PTK) kepada pegawai-pegawai DG34, DG44, DG48 dan DG52 sejak tahun 2006 lagi. Sehingga kini, YGMB telah memberikan sumbangan kepada ahli-ahli dalam bentuk khairat kematian, rawatan dan insentif pelajaran serta yang mengalami musibah seperti banjir, kebakaran dan lain-lain yang berjumlah lebih RM7 juta sejak tahun 1996. Rjm 75

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Menteri sedar pada 1 dan 2 hari bulan Januari 2009 terdapat banyak ikan-ikan sungai termasuk ikan-ikan tempatan (indegenuous species) yang berharga seperti Tengadak, Semah dan Empurau dijumpai mati terapung di Batang Murum dan Batang Balui. Apakah punca kematian ikan-ikan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyiasat dan menghalang kejadian seperti ini berlaku lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak mendapati kejadian kematian ikan-ikan sungai di Sungai Batang Murum dan Batang Balui adalah disebabkan oleh kandungan kelodak (*total suspended solids*, TSS) yang tinggi di sungai-sungai tersebut. Bacaan TSS di Batang Balui adalah 550 mg/l (*milligram per liter*) iaitu sepuluh kali ganda standard yang ditetapkan untuk *Class IIB National Water Quality Standards* iaitu 50 mg/l. Kelodak ini telah menyumbat insang ikan-ikan tersebut.

Kandungan kelodak yang tinggi ini berpunca dari aktiviti pembersihan tanah dan pembalakan di kawasan hulu, di mana tanah telah dibawa oleh hujan ke sungai.

Bagi menghalang kejadian sedemikian, Kerajaan Negeri Sarawak bercadang menyediakan *Integrated Watershed Management Plan*. Dengan pelan aktiviti-aktiviti kegunaan tanah dalam kawasan tadahan air boleh dikawal termasuk mengadakan zon penampungan sungai (*river buffer zone*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 12 MAC 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 44

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kegawatan kewangan global masa kini turut memberi kesan kepada pendapatan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Apakah rancangan dan strategi Kerajaan untuk membantu IPTS-IPTS seluruh negara supaya mengekalkan daya saing dan mengurangkan kesan kegawatan ekonomi dunia semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya sedar daya saing institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) turut menjadi faktor penting dalam mengukuhkan sektor pendidikan tinggi di negara ini. Justeru, pelbagai langkah dan strategi telah dan akan dilaksanakan untuk mengekalkan daya saing dan meningkatkan kualiti IPTS sedia ada. Antara langkah yang diambil ialah:-

- i. Menyediakan insentif tambahan, potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan latihan dalam bidang tertentu dan pengecualian cukai pegangan;
- ii. Kementerian turut menggalakkan IPTS mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan. Melalui kaedah ini IPTS yang berkemampuan digalakkan untuk membuat pelaburan di negara lain; dan
- iii. IPTS juga digalakkan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang menawarkan pendidikan berkualiti pada kos yang berpatutan. Melalui kaedah ini IPTS dapat menarik ramai pelajar antarabangsa dan pada masa yang sama dapat mengurangkan pengambilan pelajar dalam negara.

SOALAN NO: 45

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 12 MAC 2009

RUJUKAN : 1592

SOALAN :

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah polis yang ditempatkan di kawasan Labis, Chaah, Bekok dan Tenang serta nisbah bilangan anggota polis berbanding dengan penduduk di keempat-empat kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Labis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kawasan Labis, Chaah, Bekok dan Tenang adalah terletak di bawah pendadbiran IPD Segamat. Pada masa ini, keanggotaan di seluruh IPD Segamat ialah seramai 402 orang pegawai dan anggota. Manakala jumlah penduduk di keempat-empat kawasan adalah 220,000 orang. Ini bermakna, nisbah di antara polis berbanding penduduk ialah 1:547.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah anggota polis yang ditempatkan bagi kawasan Labis ialah seramai 25 orang manakala, jumlah penduduk Labis ialah seramai 35,700 orang. Nisbah anggota polis berbanding penduduk di Labis ialah 1:1,428.

Bagi kawasan Chaah, seramai 13 orang anggota polis telah ditugaskan di kawasan tersebut yang mempunyai jumlah penduduk seramai 22,000 orang. Nisbah anggota polis kepada penduduk ialah 1:1,692.

Bagi kawasan Bekok, seramai 12 orang anggota polis telah ditugaskan di kawasan tersebut yang mempunyai jumlah penduduk seramai 9,954 orang. Nisbah anggota polis kepada penduduk ialah 1:829.

Manakala, jumlah anggota polis yang ditempatkan bagi kawasan Tenang ialah seramai 11 orang manakala, jumlah penduduk Tenang ialah seramai 18,687 orang. Nisbah anggota polis berbanding penduduk di ialah 1:1,698.

SOALAN NO: 46

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN : **TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA
MAHKOTA)** minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
berapakah peruntukan yang dibelanjakan
untuk projek MAHA 2008 dan berapakah
kutipan atau pendapatan yang dijana oleh
projek tersebut.

JAWAPAN :

- 1) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membelanjakan RM12.5 juta untuk penganjuran MAHA 2008 yang berlangsung selama 13 hari, dari 11 hingga 23 Ogos 2008, di tapak kekal MAHA bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).
- 2) Penganjuran MAHA 2008 telah mencatat rekod baru dalam *Malaysia Book of Records (MBOR)* menerusi bilangan gerai terbanyak iaitu 1,918 buah (MAHA 2006: 976 buah) dengan seramai 1,179 peserta (MAHA 2006: 835 peserta), dan jumlah pengunjung seramai 1.2 juta orang (MAHA 2006: 1.0 juta pengunjung). Termasuk Australia yang dijemput sebagai negara undangan (Guest Nation), MAHA 2008 juga turut disertai oleh 12 buah negara asing (MAHA 2006: disertai cuma lapan buah negara asing).
- 3) MAHA 2008 juga mencapai kejayaan peningkatan jualan produk-produk pertanian sebanyak RM9.7 juta berbanding RM6.0 juta pada MAHA 2006. Disamping itu tempahan yang diperolehi turut meningkat kepada RM133 juta.

NO: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM
BIN OSMAN [LIPIS]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 47

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana tahap jaminan keselamatan supaya tidak berulang gangguan akibat kerosakan pada sirkit sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Malaysia dengan Eropah seperti akhir tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Telekom Malaysia (TM) melalui konsortium pengendali perkhidmatan telekomunikasi telah memasang rangkaian beberapa sistem kabel dasar laut yang dapat menyediakan beberapa laluan alternatif dari Malaysia ke seluruh dunia. Untuk laluan ke Eropah, sistem kabel yang telah dipasang oleh TM adalah South East Asia, Middle East, Western Europe 3 (SMW3), South East Asia, Middle East, Western Europe 4 (SMW4), Fiber Optic Link Around The Globe (FLAG) dan South Atlantic Telecommunication 3/African Submarine Cable/South Africa Far East (S3WS).

Pada 19 Disember 2008, sistem-sistem kabel dasar laut SMW3, SMW4 dan FLAG telah mengalami kerosakan disebabkan oleh pergerakan bumi di dasar lautan di antara Mesir dan Perancis. Insiden ini berlaku di luar kawalan TM dan ia telah mengakibatkan

ketiga-tiga sistem kabel dasar laut tersebut mengalami kerosakan. Kerosakan ini telah menjejaskan perkhidmatan telekomunikasi antara Malaysia dan Eropah. Masalah ini telah berjaya di atasi secara berperingkat dan selesai sepenuhnya pada 5 Januari 2009.

Untuk menangani masalah ini dari berulang, pihak TM sedang bercadang untuk menambah bilangan kabel-kabel dasar laut ke Eropah yang melalui sistem-sistem kabel di Lautan Pasifik dan Lautan Atlantik. Di samping itu, TM juga akan menyediakan pelan restorasi atau pemulihan melalui sistem kabel S3WS sekiranya ketiga-tiga sistem kabel SMW3, SMW4 dan FLAG mengalami kerosakan pada waktu yang sama.

Pihak TM juga telah menyediakan satu sistem kabel dasar laut iaitu Asia-America Gateway (AAG) yang menghubungkan Asia Tenggara dengan Amerika Syarikat. Sistem ini telah mula beroperasi sejak tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan beliau menyokong deklarası umum oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila bercakap pada persidangan Gerakan pada September 2001, bahawa kini Malaysia adalah sebuah negara Islam.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Perkara ini telah banyak kali dibangkit dan dipersoalkan oleh pihak pembangkang sebelum ini walaupun telah beberapa kali penjelasan saya berikan, yang terakhir pada 27 Ogos 2007. Pada masa itu saya juga telah menyatakan bahawa isu seperti ini tidak harus dipanjangkan lagi sehingga menimbulkan ketidakselesaan di kalangan penduduk pelbagai kaum di Malaysia, tetapi hari ini nampaknya seruan saya itu sengaja tidak diendahkan oleh pihak pembangkang.

Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, Malaysia bukanlah sebuah negara sekular ataupun negara teokratik. Malaysia adalah sebuah negara Islam, yang ditadbir berlandaskan prinsip-prinsip Islam, dan pada masa yang sama, berpegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi berparlimen yang berpandukan kepada undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip Islam yang saya maksudkan di sini dapat dilihat melalui pendekatan Islam Hadhari yang telah saya perkenalkan. Di bawah pendekatan Islam Hadhari, Kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, kesihatan dan fizikal. Pendekatan Islam Hadhari adalah satu panduan kepada Kerajaan

dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama kepada semua rakyat Malaysia. Pendekatan Islam Hadhari ini juga memenuhi keperluan untuk mengekalkan keharmonian dikalangan penduduk yang berbilang kaum dan berbilang agama di negara kita ini.

Pemakaian pendekatan Islam Hadhari, bagaimanapun, tidak bermakna kita adalah sebuah negara teokratik. Kerajaan yang saya pimpin adalah sebuah Kerajaan yang berasaskan kepada prinsip demokrasi berparlimen dan bertanggungjawab kepada Parlimen. Pada masa yang sama, Kabinet yang terdiri dari menteri yang beragama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain, sama-sama bermuafakat membincang dan menghasilkan dasar-dasar pembangunan negara. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan melaksanakan apa juga yang terbaik untuk memelihara perpaduan dan menjaga kepentingan rakyat, termasuk memastikan setiap seorang penganut agama bebas untuk mengamalkan ajarannya sendiri. Semua pihak mendapat bantuan daripada Kerajaan sama ada masjid, surau, kuil atau gereja. Pembangunan negara telah dilaksanakan dengan adil, tanpa menindas mana-mana kaum atau agama.

Cara pemerintahan sebeginilah yang telah dipakai oleh Kerajaan Malaysia selama lebih 50 tahun lamanya. Formula unik ini telahpun diuji dengan jayanya dan saya tidak nampak kenapa Kerajaan yang dibentuk seperti ini tidak boleh diteruskan pada masa hadapan.

Sekali lagi, saya menyeru agar kita semua memperbaharui semangat cintakan negara dan bukannya mencari ruang untuk mempolitikkan

sesuatu yang telah diterima pakai dari dahulu lagi. Kita mesti mendahulukan keperluan menyatupadukan rakyat, dan bukannya menimbulkan isu yang hanya boleh menimbulkan ketegangan sesama kita.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN O

SOALAN 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI
AHMAD [SIPITANG]**

TARIKH : 12 MAC 2009

**SOALAN : MEMINTA MENTERI
PELANCONGAN menyatakan :**

Apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan Sabah pada masa kini tertumpu pada destinasi yang memang telah sedia popular seperti Gunung Kinabalu dan pulau-pulau seperti Sipadan dan Manukan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak **RM60.9 juta** di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK 9) untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan di negeri Sabah terutamanya destinasi yang popular.

Projek yang dilaksanakan termasuk pembinaan projek-projek peningkatan dan penyediaan kemudahan pelancongan, eko-pelancongan dan penyelenggaraan.

Bagi destinasi yang popular seperti Gunung Kinabalu, Kementerian telah melaksanakan projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Taman Kinabalu yang menyediakan kemudahan pelancongan seperti menaiktaraf Pelantar Pemerhati dan Pintu Masuk Timpohon, Bangunan Galeri dan Statue of Climbathon di gunung tersebut.

Bagi pulau-pulau yang terdapat di negeri Sabah seperti Pulau Sipadan dan Pulau Manukan, Kementerian sentiasa bersedia untuk memberi peruntukan untuk membina dan menaik taraf kemudahan pelancongan bagi memberi keselesaan kepada para pelancong yang berkunjung ke situ.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan, melalui agensinya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan juga Lembaga Pelancongan Sabah (STB) di dalam membangunkan industri pelancongan di negeri tersebut.

Dalam mempopularkan destinasi-destinasi tersebut, Kementerian tidak hanya mempromosikan destinasi yang sedia popular tetapi juga memberi tumpuan kepada destinasi-destinasi baru yang dikenalpasti dapat meningkatkan lagi sektor pelancongan Sabah. Antara

destinasi-destinasi baru yang dikenal pasti ialah Tenom, Pulau Penyu, Kinabatangan, Tambunan dan Penampang.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelancongan untuk menggalakkan lagi pelancong asing melancong ke Sabah adalah melalui aktiviti-aktiviti berikut :

- (a) **Menganjurkan lawatan suai kenal produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri Sabah** kepada agensi-agensi pelancongan serta media dari negeri-negeri lain di Malaysia dalam Misi Jualan Domestik.

- (b) **Penyertaan dalam pameran di luar negeri dan travel mart di negara sasaran.** Kaedah ini mampu menarik pengunjung melalui pendekatan "business to business" yang telah terbukti mampu

membawa masuk pelancong ke negara ini dalam jumlah yang besar.

- (c) **Menganjurkan Malaysia Travel Fair di seluruh negara.** Malaysia Travel Fair ini memberi peluang kepada agensi-agensi pelancongan memperkenalkan pakej-pakej domestik yang menarik dan kompetitif untuk ditawarkan kepada para pelawat.
- (d) **Menganjurkan program "familiarization trip" dengan menjemput pengusaha pelancongan serta media asing dari luar negara** mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang menarik dan juga melalui program dan aktiviti pelancongan di Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir

[Ketereh]

TARIKH : 12 Mac 2009

SOALAN : Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan seluruh jentera Kerajaan diserap dengan nilai ketakwaan dan kesederhanaan dan pertanggungjawaban dalam pentadbiran Kerajaan bagi menjamin kesejahteraan dan keadilan merata di kalangan rakyat.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) dan lain-lain agensi berkaitan di peringkat Persekutuan serta Negeri sentiasa melaksanakan program-program seperti Seminar, Kursus, Konvensyen, Muzakarah dan Bengkel berkaitan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (PNI), Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA), Program Bina Insan, Bina Taqwa kepada seluruh kakitangan Kerajaan sama ada di bawah Perkhidmatan Persekutuan atau Negeri.

Kerajaan telah memperkenalkan dan melancarkan pelbagai program bagi memantap dan mempertingkatkan nilai-nilai murni dan integriti perkhidmatan awam sejak kemerdekaan lagi. Walau bagaimanapun, usaha yang lebih terfokus dilaksanakan sejak tahun 1980-an dengan memperkenalkan penghayatan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah", "Piagam Pelanggan", "Penerapan Nilai-nilai Islam" dan sebagainya. Ini diperkukuhkan lagi dengan pendekatan Islam Hadhari yang seiring dengan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) melalui modul serta perancangan strategik yang telah disediakan di peringkat kementerian.

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran telah dilancarkan dalam tahun 1985 dengan memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai teras bagi dihayati oleh oleh setiap anggota perkhidmatan awam ke arah mencapai kualiti perkhidmatan cemerlang. Berasaskan dasar-dasar, arahan, panduan pekeliling yang telah dikeluarkan kerajaan, jabatan dan agensi kerajaan telah mengangjurkan ceramah agama Islam untuk menerapkan nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan dengan matlamat untuk membentuk kakitangan awam Islam yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam.

Objektif program Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) ialah untuk memperkukuh integriti kepada penjawat awam melalui kefahaman yang mendalam terhadap kebaikan juga kepentingan nilai-nilai murni Islam yang bersifat universal. Penekanan konsep akauntabiliti atau muhasabah diri yang merupakan mekanisme

penting untuk menilai pencapaian diri penjawat awam serta aspek penambahbaikan turut menjadi fokus. Seiring dengan aspirasi Pendekatan Islam Hadhari, gerakan pemantapan integriti nasional menggesa masyarakat Malaysia amnya dan jentera kerajaan khususnya meningkatkan kualiti kehidupan dalam konteks pembangunan secara berimbang.

JAKIM telah diamanahkan sebagai *lead agency* kepada Program Penerangan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut JAKIM mengambil inisiatif menyediakan Modul Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam sebagai panduan kepada penceramah dan penganjur program pengukuhan integriti di agensi masing-masing. Modul tersebut juga dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan seluruh agensi kerajaan secara bersepadu. Modul ini mengandungi 3 unit iaitu:

- i. Ceramah integriti dan latihan dalaman untuk meningkatkan integriti individu dan organisasi.
- ii. Muhasabah diri untuk meningkatkan kesedaran supaya bersifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.
- iii. Pendidikan pelanggan untuk meningkatkan kemahiran berinteraksi dengan menggunakan pendekatan Islam seperti hormat menghormati, bersopan santun dan sebagainya.

Pelaksanaan program dan aktiviti seperti seminar, kursus, konvensyen, muzakarah dan bengkel berkaitan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (PNI), Pengukuhan Integriti Perkhidmatan

Awam (PIPA), Program Bina Insan dan Bina Taqwa dilakukan secara berterusan serta diikuti dengan program susulan bagi memastikan keberkesanan dan penghayatan dalam masyarakat. Diantara program utama yang telah dilaksanakan mengikut kumpulan sasaran sepanjang tahun 2008 iaitu:

- Seminar/kursus/forum Kefahaman Islam telah dilaksanakan sebanyak 95 kali melibatkan kumpulan sasar seperti berikut:
 1. Pelajar IPTA/IPTS dan kumpulan belia – 20 kali
 2. Pemimpin Masyarakat Penempatan Baru FELDA/FELCRA - 25 kali
 3. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita dan karyawan– 20 kali
 4. Sektor Swasta dan Korporat – 30 kali

- Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI) di Kementerian dan Jabatan Kerajaan sebanyak 408 kali.

- Ceramah jemputan PIPA di agensi bawah JPM, Kementerian dan Jabatan Kerajaan sebanyak 200 kali.

- Kursus Pemantapan Akidah kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada remaja dan pelajar sekolah sebanyak 12 kali.

- Program Seminar Pemantapan Integriti Perkhidmatan Awam telah diadakan sebanyak 3 kali seperti berikut :-

1. 27 - 31 Januari 2008 - Di Awana, Pahang
2. 13 -15 Februari 2008 - Di Institut Latihan Islam Malaysia (Pegawai & Kakitangan PDRM)
3. 21 - 23 April 2008 - Di Pendang, Kedah (Kakitangan KASTAM)

Secara keseluruhannya, pada tahun 2008 JAKIM telah melaksanakan sebanyak 795 program merangkumi kursus/seminar/bengkel/ konvensyen serta ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam dan ceramah Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam kepada kakitangan kerajaan melibatkan peserta seramai 13, 937 orang.

Bagi memperkasakan lagi usaha dakwah dalam mempertingkatkan penyebaran dan penghayatan Islam di negara ini, Kerajaan telah menempatkan Pegawai Hal Ehwal Islam di semua 27 Kementerian termasuk di PDRM dan Penjara.

Program ini dilaksanakan bagi menerapkan nilai-nilai ketaqwaan kepada penjawat awam serta menanam nilai dan sikap kesederhanaan serta pertanggungjawaban dalam pentadbiran kerajaan.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN TAN AH ENG

TARIKH: 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [Gelang Patah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pekerja yang dipecat pada tahun 2008 dan awal tahun 2009; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membantu pekerja dan pelabur tempatan untuk menghadapi Krisis Kemelesetan Ekonomi Sedunia.

PR-1221-L17314

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2008, seramai 33,451 orang pekerja telah diberhentikan yang melibatkan 824 majikan. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 3 Mac 2009 seramai 15,069 orang pekerja telah diberhentikan melibatkan 374 majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah-langkah Kerajaan bagi membantu pekerja yang telah diberhentikan akibat kelesetan ekonomi global adalah seperti berikut:

i) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang melibatkan pihak majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.

ii) Menyediakan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dilancarkan pada 16 Disember 2008, dimana tindakan pemberhentian pekerja adalah merupakan langkah terakhir.

iii) Sebanyak 80 buah Bilik Operasi telah ditubuhkan di seluruh negara bagi mendaftarkan pekerja yang telah diberhentikan, mengesahkan peluang-peluang pekerjaan sedia ada, mengumpul dan memantau data mengenai pemberhentian kerja secara sentara, pemotongan gaji serta pekerja yang terlibat dalam *Voluntary Separation Scheme (VSS)*. Bilik Operasi ini juga berperanan menyediakan khidmat pepadanan kerja (*job matching*).

iv) Kementerian telah mewujudkan *Community-Based Employment Support Services (CESS)* di semua 80 pejabat Tenaga Kerja diseluruh Negara dan di 27 buah ILJTM untuk 1 Pejabat PERKESO dan 1 Mahkamah Perusahaan untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya serta menempatkan pencari kerja dalam pekerjaan. Selain itu, 22 Kiosk CESS akan ditubuhkan di tempat-tempat tumpuan awam di seluruh Negara.

v) Mengajukan Program Penempatan Pekerjaan (*Jobs Placement Program*) dua kali sebulan di 15 lokasi seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temuduga terbuka. Sempena pelancaran serentak Program ini pada 28 Februari 2009 di Shah Alam, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Johor Bahru, seramai

1,747 pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan manakala seramai 902 pencari kerja ditawarkan untuk mengikuti program "*train and place*".

vi) Melaksanakan program latihan dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan, belia dan siswazah menganggur untuk membolehkan mereka mendapat kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Mereka yang terlibat perlu berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja dan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan.

vii) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*lay-off*), KSM akan melaksanakan program "*train and retain*" dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

viii) Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu pelabur menghadapi krisis global, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing yang diberhentikan sebelum tamat tempoh kontrak dikembalikan kepada majikan, dan jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

Selain daripada itu, pengecualian bayaran levi Pembangunan Sumber Manusia selama tempoh 6 bulan juga diberikan mulai Februari 2009 bagi sub sektor perkilangan iaitu, elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian. Pengecualian levi ini melibatkan seramai 1,233 majikan dan dapat menjimatkan kos operasi sebanyak RM40 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2009

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang maklumat dan syarat-syarat utama dalam perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi mereka dengan Syarikat Spanco Sdn Bhd dan Spanco Services Sdn Bhd. Adakah Kerajaan mempunyai hak kepentingan dalam kedua-dua syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi yang termeterai pada 1 Januari 1994 adalah di antara Kerajaan Persekutuan dan Syarikat SPANCO Sdn Bhd manakala SPANCO Services Sdn Bhd adalah agen yang dilantik oleh SPANCO Sdn Bhd untuk melakukan kerja-kerja servis dan baik pulih.

2. Di bawah perjanjian yang ditandatangani, SPANCO akan membekalkan kereta saloon kepada Kementerian/ Jabatan Persekutuan untuk digunakan sebagai Kereta Rasmi Jawatan dan

Kereta Jabatan selama 25 tahun sehingga 31 Disember 2018. Pada masa ini, kereta saloon yang dibekalkan adalah dari jenis Proton Perdana Executive, Proton Perdana Standard, Persona, Waja, Wira dan Saga.

2. Melalui perjanjian ini, SPANCO bertanggungjawab untuk membekal, menyenggara dan membaiki semua kenderaan yang dipajak oleh Kerajaan. Sebagai balasan, Kerajaan membayar kos sewaan, penyenggaraan dan pembaikan kepada SPANCO setiap bulan berasaskan bilangan dan jenis kereta yang dipajak mengikut formula yang telah ditetapkan.

3. Kerajaan tidak mempunyai sebarang hak kepentingan dalam bentuk pelaburan di dalam SPANCO Sdn. Bhd.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : PERTANYAAN LISAN
Daripada : Dato' James Dawos Mamit (Mambong)
Tarikh Menjawab : 12 Mac 2009
Soalan : ~~68~~

Dato' James Dawos Mamit (Mambong) minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh mana pensijilan hutan yang dibalakkan dilaksanakan mengikut kaedah MTCC dan kaedah pensijilan asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Pensijilan Kayu Malaysia atau nama singkatannya MTCC adalah sebuah organisasi bebas yang ditubuhkan untuk menjalankan operasi Skim Pensijilan Kayu Malaysia atau *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS). Setakat ini, terdapat lapan *Forest Management Unit* (FMU) yang telah diberikan pensijilan berasaskan kepada standard *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification [MC&I(2002)]* yang digunakan di bawah MTCS. Tujuh daripadanya adalah di Semenanjung Malaysia, iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Perak, Kedah, Selangor dan Terengganu, manakala satu lagi ialah FMU Anap-Muput yang terletak di Sarawak. Disamping itu, Sela'an-Linau FMU di Sarawak masih memegang Sijil Pengurusan Hutan berasaskan kepada standard *MC&I(2001)* yang mana adalah standard yang digunakan di bawah fasa pertama pelaksanaan MTCS.

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan utama MTCS adalah untuk menggalakkan dan mempertingkatkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan di Hutan Simpanan Kekal sahaja dan tidak meliputi Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. Dalam hubungan ini, adalah didapati bahawa kawasan seluas 4,482,101 ha atau 33% daripada jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal di Malaysia (13.43 juta ha) telah disijilkan di bawah MTCS. Selain daripada MTCS, terdapat juga kawasan-kawasan hutan

kecil yang telah disijilkan di bawah skim pensijilan asing iaitu *Forest Stewardship Council (FSC)*. Jumlah kawasan hutan yang terlibat adalah seluas 173,039 ha.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mempertingkatkan kredibiliti MTCS di arena antarabangsa, MTCS telah menjadi salah satu skim ahli dalam *Programme for the Endorsement of Forest Certification Schemes (PEFC)* pada tahun 2002. Sebagai langkah untuk mendapatkan pengiktirafan PEFC, pada 28 Mac 2008, MTCC telah mengemukakan permohonan kepada PEFC Council untuk mendapatkan pengiktirafan PEFC bagi MTCS. Sekiranya MTCS memperolehi pengiktirafan PEFC, maka MTCS akan mencapai *mutual recognition* dengan semua 25 skim nasional berkenaan. Perkembangan ini akan lebih lagi membantu industri kayu di Malaysia dalam pemasaran produk-produk kayu di pasaran-pasaran *environmentally-sensitive* seperti di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang
[Marang]
TARIKH : 12 Mac 2009
SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan badan manakah yang
mempunyai autoriti dan boleh memberi tanda/logo halal setelah audit halal
dijalankan. Sekiranya badan berkenaan adalah lebih dari satu, nyatakan
dan berikan justifikasinya.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

1. Halal Industry Development Corporation (HDC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 18 September 2006 untuk melaksanakan pembangunan keseluruhan industri halal. Salah satu teras utama HDC adalah Integriti Halal yang mana ianya merangkumi program pensijilan halal seperti mengeluarkan sijil & logo halal.

2. Pada 2 April 2008, HDC telah diberikan mandat atau autoriti oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil alih dari JAKIM proses pelaksanaan pensijilan Halal Malaysia yang merangkumi mengeluarkan tanda / logo halal. Pada 17 April 2008, HDC telah menerima nota serahan tugas dari JAKIM dan proses pemindahan program pensijilan tersebut telah dibuat selama 3 bulan sehingga 17 Julai 2008. HDC juga telah menyerap seramai 52 orang pegawai yang berpengalaman dalam pensijilan Halal daripada JAKIM.

3. Dengan mandat yang diberikan, HDC terus menggunakan Standard Halal Malaysia MS 1500 : 2004, "Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Pertama)" dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia sebagai garis panduan di dalam pelaksanaan proses pensijilan halal di Malaysia. Di samping itu, HDC terus melaksanakan prosedur – prosedur dalam proses pensijilan halal yang menitik beratkan kedua – dua aspek, Syariah dan Teknikal dalam kriteria audit pensijilan Halal.

4. Kerajaan amat prihatin terhadap perkara berkaitan Hukum Syarak dan sentiasa mengambil kira sensitiviti umat Islam apabila merangka Dasar Pembangunan Negara. Oleh itu, HDC telah menubuhkan Panel Penasihat Syariah dan Panel Kelulusan Pensijilan Halal. Panel Penasihat Syariah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail Ibrahim (Kerusi Syekh Abdullah Fahim Institut Islam Hadhari) dan ahli-ahlinya terdiri daripada Y.Bhg. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut (Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia), Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas (Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia), Y.Bhg. Brig. Jen (B) Dato' Najmi bin Ahmad (bekas Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera) dan Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Awang (Pensyarah Fakulti Pengajian Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa).

5. Panel Kelulusan Pensijilan Halal dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Mustafa Abdul Rahman, bekas Ketua Pengarah JAKIM. Ahli-ahli Panel terdiri daripada Sahibus Samahah Dato' Tamyas (Mufti Selangor), Professor Dr. Yaakob Che Man (Pengarah Institut Penyelidikan Produk

Halal, UPM), Dr. Mohd. Khan Ayob (Pensyarah UKM) dan Ustaz Murni Awang Mat (bekas Pengarah Darul Quran).

6. Dalam usaha meningkatkan pengetahuan serta kemahiran semua pihak yang terlibat di dalam industri halal ini termasuklah untuk mengkomersialkan penyelidikan dan pembangunan produk halal, HDC turut menyediakan program latihan intensif Halal yang komprehensif iaitu Latihan Kesedaran Halal, Latihan Industri Halal dan Latihan Profesional Halal.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI JAMALUDDIN BIN DATO'
MOHD JARJIS [ROMPIN]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

Soalan Dato' Seri Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat pembuatan dan pengilangan di negara ini yang melaksanakan program mesra alam. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan insentif seperti karbon kredit dan sebagainya kepada syarikat-syarikat berkenaan yang melaksanakan atau menggunakan produk mesra alam di dalam penghasilan produk. Penggunaan atau proses mesra alam sekitar sekali gus membantu di dalam mengurangkan kesan "climate change".

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program mesra alam melibatkan pelbagai aspek seperti mengitar semula bahan buangan, mengamalkan penjimatan tenaga (*energy efficiency*), mengamalkan konsep 3R (*reduce, reuse and recycle*) dan sebagainya. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai data mengenai bilangan syarikat pembuatan dan pengilangan yang melaksanakan program mesra alam.

Walau bagaimanapun pengurusan mesra alam sekitar secara menyeluruh dalam proses pembuatan dan pengilangan adalah dengan mengamalkan konsep Pengeluaran Bersih atau *Cleaner Production* (CP). Pengeluaran Bersih telah diperakui sebagai satu strategi yang membolehkan sumber-sumber asli digunakan dengan lebih cekap dan berkesan di samping membantu mencegah pencemaran serta mengurangkan kos pengeluaran dan memperolehi faedah ekonomi secara langsung.

Berdasarkan rekod kajian kes yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebanyak sepuluh (10) industri telah berjaya melaksanakan Pengeluaran Bersih iaitu, tujuh (7) industri telah melaksanakan secara sukarela manakala tiga (3) industri telah berjaya melaksanakannya melalui projek/program demonstrasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif seperti Karbon Kredit atau yang juga dikenali sebagai *Certified Emission Reductions (CERs)* bukan insentif secara langsung yang diberikan oleh Kerajaan tetapi merupakan hasil daripada projek-projek mesra alam yang dikenali sebagai Mekanisma Pembangunan Bersih atau *Clean Development Mechanism (CDM)*. CDM merupakan projek yang dilaksanakan secara kerjasama di antara negara maju dan negara membangun, yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca (Greenhouse Gases - GHG).

Projek CDM adalah bersifat sukarela (*voluntary*). Syarikat yang berminat untuk mendapatkan taraf CDM untuk projek mereka dikehendaki membuat permohonan kepada Lembaga Eksekutif CDM di Bonn, Jerman. Bagi menggalakkan syarikat tempatan menyertai projek CDM, pendapatan diterima menerusi perdagangan sijil CER diberi pengecualian cukai oleh Kerajaan. Di samping itu, pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) juga menyediakan pelbagai insentif bagi projek-projek mesra alam seperti status *pioneer* yang diberikan pengecualian cukai dan *Investment Tax Allowance (ITA)*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH: 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [Lembah Pantai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini kadar kehilangan pekerjaan dalam sektor Kerajaan dan swasta dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah ini.

PR-1221-L17415

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemelesatan ekonomi global yang bermula pada Oktober 2008 telah menyebabkan berlaku pemberhentian pekerja di negara ini. Jumlah pemberhentian dalam sektor swasta mulai 1 Oktober 2008 sehingga 5 Mac 2009, adalah seramai 24,919 orang. Ini merupakan 0.2% kadar kehilangan pekerjaan daripada keseluruhan tenaga kerja yang seramai 11.2 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2008, statistik menunjukkan seramai 62 orang pegawai tetap dalam sektor awam telah ditamatkan perkhidmatan (hilang pekerjaan) akibat dikenakan

tindakan tatatertib. Bagi lantikan kontrak pula, seramai 828 orang pegawai telah menamatkan perkhidmatan kontrak dan tidak dilanjutkan perkhidmatan mereka selaras dengan perjanjian kontrak yang telah ditandatangani.

Bagi pelantikan secara kontrak, sehingga kini tiada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada agensi tertentu mengenai penamatan perkhidmatan pegawai terbabit. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan untuk menyambung atau tidak perkhidmatan seseorang pegawai lantikan kontrak tertakluk kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk menangani permasalahan ini, Kementerian saya telah memberi penekanan kepada aspek *employment and employability*. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan Program Penempatan Pekerjaan (*Job Placement Program*). Tujuh strategi bersepadu telah digariskan iaitu:

- a) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang melibatkan pihak majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.
- b) Sebanyak 80 buah Bilik Operasi telah ditubuhkan di seluruh negara bagi mendaftarkan pekerja yang telah diberhentikan, mengesahkan peluang-peluang pekerjaan sedia ada, mengumpul dan memantau data mengenai pemberhentian kerja secara sentara, pemotongan gaji serta pekerja yang terlibat dalam *Voluntary Separation Scheme* (VSS). Bilik Operasi ini juga berperanan menyediakan khidmat pepadanan kerja (*job matching*)

c) *JobsMalaysia*

JobsMalaysia merupakan fokus kepada program Job Placement iaitu peneraju ke arah kejayaan penempatan pekerja. JobsMalaysia merupakan sistem pengkalan data bersepadu yang menjalankan pemadanan pekerjaan. Sistem ini mengandungi maklumat dan profil jawatan kosong yang perlu diisi segera oleh pihak syarikat. Para pencari kerja termasuk pekerja yang diberhentikan akibat daripada kemelesetan ekonomi perlu mendaftar dengan JobsMalaysia untuk membolehkan pemadanan pekerjaan dilakukan oleh pegawai-pegawai KSM.

d) Perkhidmatan CESS

Kementerian telah mewujudkan *Community-Based Employment Support Services (CESS)* di semua 80 pejabat Tenaga Kerja diseluruh Negara dan di 27 buah ILJTM untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya serta menempatkan pencari kerja dalam pekerjaan. Selain itu, 22 Kiosk CESS akan ditubuhkan di tempat-tempat tumpuan awam di seluruh Negara.

e) *Train And Place / Train And Retain.*

KSM telah dan sedang menyediakan lebih banyak program *Train & Place* dan *Train & Retain* terutamanya kepada mereka yang memerlukan kemahiran baru atau tambahan yang diperlukan oleh majikan. Dalam hubungan ini, KSM menyediakan latihan yang bersesuaian mengikut standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

f) Menyediakan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dilancarkan pada 1 Disember 2008, dimana tindakan pemberhentian pekerja adalah merupakan langkah terakhir.

g) Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)
TARIKH : 12.03.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan lebih terperinci peruntukkan RM50 juta yang diperuntukkan untuk sekolah-sekolah mubaligh, bagaimana ianya akan disalurkan atau dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009. Peruntukan ini diagihkan secara sama rata kepada Sekolah Bantuan Kerajaan yang iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sekolah mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Peruntukan di bawah pakej ini akan digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah dan sebagainya).

Berhubung dengan agihan peruntukan tersebut kepada sekolah mubaligh, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menyerahkan peruntukan kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang mampu melaksanakan sendiri projek pembangunan sekolah. Walaubagaimanapun, bagi sekolah mubaligh yang mempunyai LPS yang tidak mampu melaksanakan projek pembangunan sekolah, maka projek tersebut akan dilaksanakan oleh KPM. Rjm 77

NO = 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TARIKH : 12 MAC 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 58

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah Proses Pilihan Raya Pelajar di kampus terlalu menyekat kebebasan pelajar tanpa membenarkan mereka melalui proses yang lebih demokratik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di kampus dilaksanakan secara demokratik dengan menggunakan konsep yang menyamai Pilihanraya Umum iaitu bermula dengan proses penamaan calon, berkempen dan pengundian. Pihak Hal Ehwal Pelajar IPTA akan bertindak sebagai urusetia bagi memastikan pemilihan MPP berjalan lancar.

Semua pelajar yang memenuhi syarat pencalonan layak untuk bertanding dalam pemilihan MPP. Pada masa ini proses pemilihan wakil pelajar menggunakan kaedah pengundian secara konvensional (pembuangan undi) dan e-votting.

SOALAN NO: 70 59

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 12.03.2009

SOALAN : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTALLIB minta.

PERDANA MENTERI menyatakan Kerajaan telah membangunkan begitu banyak rancangan FELDA di seluruh Negara dengan melibatkan beribu-ribu ekar keluasan tanah Kerajaan Negeri bagi menempatkan peserta dalam usaha Kerajaan mengatasi masalah kemiskinan di Negara ini. Berapakah jumlah premium yang telah dibayar oleh pihak FELDA kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri khususnya Pahang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ke tarikh ini Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan seluas **853,313 hektar** untuk dibangunkan oleh FELDA. Seluas **811,140 hektar** adalah terdiri daripada kawasan pertanian manakala **42,173 hektar** adalah kawasan penempatan. Kawasan yang menempatkan peneroka adalah seluas **479,766 hektar**, manakala kawasan yang tidak berpeneroka adalah seluas **331,374 hektar**.

Pembayaran premium kepada Kerajaan Negeri adalah berdasarkan dua (2) kadar iaitu:-

i. **KADAR PERTAMA:**

RM500.00 seekar bagi kawasan yang tidak menempatkan peneroka. Kadar ini adalah sepertimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Januari 1997. Kesemua premium

telahpun dijelaskan kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM569 juta**. Jumlah ini termasuk bayaran yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Pahang berjumlah **RM122.9 juta**.

ii. **KADAR KEDUA:**

Bagi kawasan berpeneroka, Kerajaan Pusat membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk '*state charge*' atau '*Consolidated Annual Charges*' (CAC) yang mana kadarnya berbeza-beza mengikut negeri. Bayaran CAC ini adalah berdasarkan surat perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA di mana ia dibayar kepada Kerajaan Negeri setiap tahun sehinggalah peneroka menjelaskan bayaran pinjaman. Lazimnya tempoh bayaran pinjaman oleh peneroka adalah selama 15 tahun. Kadar CAC yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah RM25.00 bagi kawasan pertanian dan RM0.80 bagi kawasan kediaman. Jumlah yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Pahang adalah RM51 juta.

-----XXX-----

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)
TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas pengumuman Kerajaan bahawa kadar kemiskinan di negara ini berada pada kadar 5.7 peratus dan apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengira Pendapatan Garis Kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas utama yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengumumkan kadar kemiskinan sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2004 dan 3.6 peratus pada tahun 2007 adalah bersandarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah tahun berkenaan yang mengumpul maklumat mengenai pendapatan isi rumah. Pendapatan ini kemudiannya dipadankan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK adalah tahap pendapatan minimum bulanan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk menampung keperluan perbelanjaan makanan dan bukan makanan seperti pakaian dan keperluan lain termasuk sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi.

Sesebuah isi rumah itu dianggap miskin apabila pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' MOHD NASIR BI IBRAHIM

TARIKH: 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan antara punca pengangguran di negara ini ialah kecenderungan majikan untuk mengambil Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di atas alasan kos murah dan mudah diuruskan. Apakah usaha Kerajaan bagi menangani persaingan antara tenaga kerja luar dan belia yang ramai menganggur di dalam negara buat masa kini.

PR-1221-L17969

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil tindakan pro-aktif bagi menangani masalah majikan menggaji pendatang asing tanpa izin. KSM telah mengenal pasti sektor yang banyak menggajikan pekerja asing (termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI)) iaitu di **sektor perkhidmatan**, (pekerja hotel, pekerja restoran, jurugaya rambut, pengawal keselamatan, pekerja *hyper market* dan stesyen minyak); **sektor pembuatan** (industri makanan segera, produk kecantikan, elektrik dan elektronik); dan **sektor perladangan** (pemandu, penyelia/mandur, pekerja kilang kelapa sawit dan pekerja pejabat). Oleh demikian, KSM telah mengfokuskan agar jawatan-jawatan ini diambil alih pekerja tempatan yang

dilaksanakan melalui penempatan terus dan program Latihan dan Penempatan dan Latihan dan Kekal (*Train and Place* dan *Train dan Retain*). Dalam program ini, sekiranya majikan ingin mengurangkan pekerja, pekerja asing hendaklah diberhentikan terlebih dahulu (*foreign workers first out*). Dalam program *Train and Place*, belia yang ramai menganggur turut mendapat peluang menyertai latihan yang disediakan dengan syarat mereka perlu berdaftar mencari pekerjaan dalam sistem *JobsMalaysia*. Kerajaan telah memperuntukkan dana latihan sebanyak RM50 juta bagi belia-belia menjalani latihan untuk ditempatkan mengikut keperluan majikan dan adalah diharapkan belia-belia tempatan tidak memilih pekerjaan dan gaji yang ditawarkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing yang diberhentikan sebelum tamat tempoh kontrak, dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

Di samping itu, bayaran levi kepada pekerja asing dinaikkan dua kali ganda bagi semua sektor kecuali pembinaan, peladangan dan pembantu rumah. Kerajaan juga menetapkan levi hendak dibayar oleh majikan dan bukan pekerja asing.

Pemantauan juga dilaksanakan untuk mengenal pasti pekerja asing yang akan tamat tempot permit dan bekerja lebih 5 tahun, di mana mereka tidak akan dilanjut kontrak dan diminta pulang ke negara asal.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah nilai bagi pembaikan parit dan saliran di Sabah dan Sarawak dalam masa 5 tahun dan apakah rancangan kementerian untuk melaksanakan tebatan Sungai Menggatal, Rampayan dan Tebobon di kawasan Sepanggar.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 4.2 juta untuk Sabah dan RM 5.4 untuk Sarawak bagi pembaikan parit dan saliran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Menggatal yang melibatkan tiga (3) batang sungai iaitu, Sungai Darau,

Sungai Menggatal dan Sungai Dambai. Pelaksanaan projek-projek ini merangkumi kerja-kerja pembaikan dan lencongan sungai bagi menyediakan sistem sungai yang dapat menampung penyaliran air yang berlebihan ke laut. Di bawah RMKe-9, kerja-kerja tebatan banjir dilaksanakan hanya untuk Sungai Darau sahaja seperti berikut:

- i) Projek Sungai Darau Pakej 2 dengan kos kontrak sebanyak RM5.84 juta yang telah siap dilaksanakan;
- ii) Projek Sungai Darau Pakej 3 dengan kos kontrak berjumlah RM10.3 juta yang telah bermula pada 19 Mei 2006 dan dijangka siap pada 18 Mei 2009; dan
- iii) Projek Sungai Darau Pakej 4 dengan kos kontrak sebanyak RM5.87 juta yang baru bermula pada 10 Februari 2009 dan dijangka siap pada 10 Ogos 2011.

JPS juga mempunyai rancangan untuk melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir Sungai Menggatal dan Sungai Dambai di bawah RTB Sungai Menggatal, di samping melaksanakan RTB Bandaran Kg. Rampayan dan RTB Sungai Tebobon. Bagi tujuan ini peruntukan yang sewajarnya akan dipohon di bawah RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR MOHD PUAD BIN ZARKASHI
(BATU PAHAT)
TARIKH : 12. 03. 2009
NO. SOALAN : 63

DR MOHD PUAD BIN ZARKASHI (BATU PAHAT) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kaedah menjayakan kempen 'Belilah Barangan Malaysia' dengan mengambil kira kegagalan kempen yang sama sebelumnya. Apakah jenis produk yang menjadi tumpuan kepada kempen tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kempen 'Beli Barangan Malaysia' yang dianjurkan oleh Kementerian telah dirasmikanm oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Januri 2009 yang lalu. Tujuan kempen ini dilaksanakan adalah untuk menangani masalah kegawatan ekonomi dan mengurangkan eksport barangan luar ke Malaysia. Disamping itu ianya juga

dijalankan untuk menggalakkan pembelian domestik bagi memastikan industri di dalam negara terus kekal dan dapat mengelakkan masalah pembuangan kerja di Malaysia.

Kaedah yang dilaksanakan dalam menjayakan kempen ini adalah dengan menjalankan ekspso-ekspo perdagangan barangan dan perkhidmatan Malaysia di lokasi-lokasi terpilih di seluruh negara, bekerjasama dengan agensi swasta dalam menganjurkan ekspso-eskpo pameran untuk menggalakkan pembelian barangan buatan Malaysia, bekerjasama dengan SMIDEC untk menganjurkan ekspso perdagangan mega pada pertengahan tahun 2009, bekerjasama dengan hypermarket/pasaraya tempatan dan asing untuk menganjurkan pameran barangan dan perkhidmatan Malaysia dan mempromosikan kempen melalui media cetak dan media elektronik.

Produk yang terlibat didalam kempen ini meliputi apa sahaja barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan di Malaysia seperti produk makanan, pakaian, kasut, beg, perabut, kenderaan, kraftangan, barangan elektrik dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

SULIT

NO SOALAN : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HJ NASHARUDIN BIN
MAT ISA
(BACHOK)**

**TARIKH : 12 MAC 2009
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah kejayaan KAGAT dalam menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam ATM dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang dibuat.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) telah ditubuhkan pada 16 April 1985. Penubuhannya adalah untuk melahirkan warga tentera yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa ke arah memperkukuhkan kerohanian dan kekuatan tempur disamping dapat menjana kemantapan modal insan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil adalah merangka dasar-dasar keagamaan ATM seperti berikut:

- a. Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (Perintah Majlis Angkatan Tentera PMAT bilangan 9/91).
- b. Dasar Pakaian Alternatif Wanita Islam ATM, Dasar Pengharaman Minuman Keras.
- c. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Moral ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil perancangan yang sistematik dan pelaksanaan aktiviti spiritual secara terarah dan bermodul, kewujudan KAGAT dalam ATM telah mencapai kejayaan di dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam ATM. Di antara kejayaan dan kesannya adalah:

- a. Perubahan gaya hidup yang lebih *Islamic*, peningkatan bilangan jemaah di 41 buah masjid-masjid ATM termasuk mengimarahkan ratusan surau di seluruh pasukan ATM.
- b. Kejayaan dalam aspek pendidikan melalui Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) di Port Dickson sebagai '*Centre of Islamic Studies*' dalam ATM.
- c. Percambahan majlis ilmu, kelas-kelas pengajian agama secara mingguan dan berkala, majlis usrah, nadwah, penganjuran ceramah dan forum sempena hari-hari kebesaran Islam serta muzakarah agama.

- d. Pembasmian secara maksimum unsur-unsur syirik, khurafat dan haram melalui proses Islamisasi terhadap majlis-majlis keraian, majlis-majlis sosial dan upacara-upacara yang melibatkan tradisi ketenteraan.
- e. Pengurangan kadar jenayah syariah dan penurunan kadar kes-kes kekeluargaan serta berkurangnya kadar pencemaran moral di kalangan warga ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kejayaan yang dinyatakan, penglibatan pegawai dan anggota KAGAT dalam semua aktiviti latihan dan operasi, dalam dan luar negara telah meninggalkan kesan yang positif dalam pembinaan perilaku prajurit dan perwira negara ke arah menjana *spiritual combat power* warganya ATM.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

TARIKH : 12.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan jumlah Taska Kemas yang di naik taraf kepada Taska Permata dan apakah langkah dalam mempertingkatkan status guru-guru Taska Kemas di seluruh negara.

JAWAPAN:

Pihak Kementerian akan menaik taraf 200 daripada 316 buah TASKA kepada Taska Permata pada Tahun 2009. Bagi mempertingkatkan status guru-guru Taska KEMAS, Kementerian akan bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk membolehkan guru-guru sedia ada melanjutkan pengajian keperingkat Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Seramai 200 orang guru akan memulakan sesi pengajian pada bulan Ogos tahun 2009. Kementerian juga memohon kepada jabatan Perkhidmatan Awam(JPA) untuk mewujudkan skim jawatan guru setaraf dengan diploma.

NO : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 66

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana pencapaian Rural Broadband Initiative (SRBI) yang dianggarkan kos pelaksanaan sebanyak RM20 juta sebagai pelaburan permulaan, dan apakah natijah Danawa Resources Sdn Bhd dipilih sebagai pelaksana projek.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program "Sarawak Rural Broadband Initiative (SRBI)" adalah inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak untuk meningkatkan kadar penembusan Internet Jalur Lebar di seluruh Negeri Sarawak kepada 50% menjelang 2010 di samping merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan pedalaman.

Pelaburan permulaan program SRBI bernilai RM20 Juta oleh Syarikat Danawa Resources Sdn Bhd melibatkan pelaksanaan projek perintis di Bahagian Miri dan Zon Tengah Sarawak (Bahagian Mukah, Sibul, Sarikei). Berdasarkan lawatan yang telah dijalankan ke tapak-tapak projek ini, adalah didapati bahawa

teknologi sambungan akhir wayarles Super WiFi yang dipilih berjaya memberi capaian Internet Jalur Lebar kepada komuniti sasaran melibatkan sekolah-sekolah luar bandar dan pekan-pekan kecil di kawasan tersebut.

Selain menyediakan infrastruktur sambungan jalur Lebar wayarles, Projek SRBI juga menekankan aspek aplikasi dan kandungan. Ini dilaksanakan melalui program e-Pendidikan berdasarkan kepada kandungan pembelajaran ICT Cambridge daripada "University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES)".

Bagi meningkatkan celik ICT di kalangan pelajar dan penduduk luar bandar, projek SRBI juga digabungkan dengan skim "One Laptop Per Child (OLPC)" daripada "Massachusetts Institute of Technology (MIT)" bagi membolehkan pelajar memperkasakan lagi kemahiran berkomunikasi melalui Internet dan mengembangkan kreativiti pelajar melalui aplikasi-aplikasi yang ada di dalam OLPC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelantikan syarikat Danawa Resources Sdn Bhd adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak memandangkan ianya inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak melalui konsep "Public Private Partnership".

Pihak Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak ini kerana ia selaras dengan Pelan Jalur Lebar Kebangsaan dan akan memantau pelaksanaan serta menjalankan kajian impak terhadap program tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : BAGI JAWAB LISAN
- DARIPADA** : Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan
Abu Bakar [Jerantut]
- TARIKH** : 12 Mac 2009 [67]
- SOALAN** : Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan
Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan apakah perhimpunan PBB
mesti diadakan di New York, mengapa tidak
dicadangkan ke negara berkecuali umpama di
Switzerland.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Sukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Piagam PBB mahupun Peraturan-peraturan Tatacara (*Rules of Procedure*) Perhimpunan Agung PBB (*United Nations General Assembly – UNGA*) tidak mensyaratkan atau memaktubkan bahawasanya Sesi-sesi UNGA perlu diadakan di Ibu Pejabat PBB di New York. Sesi UNGA sebenarnya boleh dan pernah diadakan di banda raya-banda raya lain. Sebagai contoh, Sesi Pertama UNGA telah diadakan di London pada tahun 1946, manakala Sesi Ketiga diadakan di Paris pada tahun 1948 dan Sesi Keenam juga di Paris pada tahun 1951. Oleh yang demikian dan selaras dengan ketetapan sedia ada, Sesi-sesi UNGA sebenarnya boleh diadakan di tempat-

tempat lain. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada keputusan dan persetujuan Negara-negara Anggota PBB jua.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, selain daripada ibu pejabat PBB yang terletak di New York, PBB juga mempunyai lima cawangan utama di beberapa buah bandar raya yang lain iaitu di Geneva, Switzerland; di Nairobi, Kenya; di Paris, Perancis; di Rom, Itali; dan di Vienna, Austria. Cawangan-cawangan PBB di enam buah bandar raya yang baru saya sebutkan tadi ada menganjurkan mesyuarat-mesyuarat dan memberi fokus kepada isu-isu khusus yang ditetapkan oleh Negara-negara Anggota PBB sendiri semenjak dekad-dekad awal penubuhan PBB.

Semenjak ibu pejabat PBB di New York selesai dibina sepenuhnya pada tahun 1952, Sesi-sesi UNGA telah diadakan di bandar raya tersebut. Ini adalah selaras dengan persetujuan Negara-negara Anggota PBB sendiri pada ketika itu. Kewajaran bagi Sesi-sesi UNGA diadakan di New York adalah berasaskan kepada tuntutan dan keperluan logistik, petugas-petugas dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di bandar raya tersebut, serta kehadiran Delegasi atau Perwakilan Tetap dari semua Negara Anggota PBB di sana.

Buat masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa adalah wajar bagi Sesi-sesi UNGA terus diadakan di New York berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan dari segi pentadbiran, pengurusan, bajet serta petugas dan kemudahan sedia ada di bandar raya tersebut.

Terima kasih, Tan Sri Yang Di-Pertua.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan mengambil kira keadaan ekonomi dunia masa kini yang tidak menentu apakah persediaan Kerajaan dalam negara terutamanya dalam sektor pengeluaran yang merangkumi 29.6% GDP Malaysia yang dijangka mendapat impak yang teruk akibat dari penurunan permintaan pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembentangan bajet mini pada 10 Mac 2009 memperuntukkan beberapa langkah bagi membantu sektor pembuatan Malaysia yang terjejas teruk akibat daripada penurunan permintaan pasaran global terutamanya barang elektrik dan elektronik. Ini termasuklah :

- i. langkah pengurangan kos menjalankan perniagaan melalui rebat cukai, penurunan tarif elektrik kepada industri, kadar pinjaman yang lebih rendah berikutan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) BNM kepada 2.0 peratus dan pengurangan bayaran balik pinjaman bulanan melalui pemanjangan tempoh bayaran balik;
- ii. penyediaan dana khas untuk membantu syarikat yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman;
- iii. mempergiatkan permintaan dalam negeri melalui kempen belilah barangan buatan Malaysia; dan
- iv. membantu meringankan beban kos yang terlibat berikutan pemberhentian kerja, pemberhentian sementara dan pengurangan waktu kerja untuk memastikan syarikat tidak gulung tikar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana rancangan untuk menyatakan gaji minimum dapat dilaksanakan dengan menyeluruh supaya kadar kemiskinan dapat dipantau.

PR-1221-L17098

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan sentiasa berusaha menjaga serta melindungi hak dan kebajikan pekerja di negara ini. Sungguhpun Kerajaan belum bercadang untuk menetapkan gaji minimum kebangsaan, golongan pekerja di sektor-sektor yang tidak mempunyai satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji, masih terbelah. Kerajaan membantu golongan ini melalui penubuhan Majlis Penetapan Gaji (MPG) di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. MPG akan menjalankan kajian dan mengemukakan Perakuan Perintah Peraturan Gaji bagi kumpulan pekerjaan yang dikenal pasti. Setakat ini Kerajaan telah menubuhkan 10 MPG yang akan memberi manfaat kepada seramai 1,258,164 pekerja

Kementerian saya dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian bagi menubuhkan MPG di sektor-sektor dan kumpulan pekerjaan yang baru. MPG yang ditubuhkan akan menjalankan kajian dengan mengambil kira semua faktor termasuk kos sara hidup agar kadar gaji yang akan dicadangkan memberi manfaat kepada pekerja dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)
TARIKH : 12.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta Menteri Pelajaran menyatakan peruntukkan Kerajaan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-9, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi pembangunan sekolah bantuan kerajaan. Pertimbangan secara holistik perlu dilaksanakan memandangkan KPM hanya diberi peruntukan tambahan yang kecil di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9. Bagi mengatasi kekurangan peruntukan yang dihadapi, KPM sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan tambahan.

Manakala di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan yang keseluruhannya berjumlah RM200 juta di mana setiap kategori sekolah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Mubaligh menerima peruntukan sebanyak RM50 juta. Peruntukan tersebut akan digunakan bagi tujuan

pelaksanaan projek-projek kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah dan sebagainya).

Rjm 76

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]

TARIKH : 12 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai Akta Kanun Tanah Negara jika benar bidang kuasa Kerajaan Negeri terhadap urusan tanah adalah eksklusif dan mutlak serta apa kaitannya dengan Perkara 76(4) Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen boleh menggubal undang-

undang untuk keseragaman undang-undang dan dasar dalam pentadbiran tanah sebuah persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH: 12 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [Selayang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah pekerja-pekerja tempatan yang telah dipecat pada suku akhir tahun 2008 serta suku tahun pertama 2009 dan berapakah pekerja yang dijangka akan diberhentikan pada masa yang akan datang.

PR-1221-L17343

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pemberhentian pekerja tempatan bagi suku akhir tahun 2008 keempat ialah seramai 26,011 orang manakala bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 3 Mac 2009 adalah seramai 19,224 orang.

Dalam tahun 2009 dijangka seramai lebih 40,000 hingga 58,000 orang warga Malaysia akan kehilangan pekerjaan. Sektor yang paling banyak menerima kesan dan memberhentikan pekerja ialah Sektor Pembuatan, khususnya subsektor Elektrik dan Elektronik, Tekstil dan Pakaian.